

Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin

Application of Stylistic Principles J.J. Webber (1989) in Novel Pantai Kasih by Azmah Nordin

Nur Alisa Ramli*
alisaramli77@gmail.com

Mohamad Rozi Kasim
mrozi@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Published: 16 Jun 2023

To cite this article (APA): Ramli, N. A., & Kasim, M. R. (2023). Pengaplikasian Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) dalam Novel Pantai karya Azmah Nordin: Application of Stylistic Principles J.J. Webber (1989) in Novel Pantai Kasih by Azmah Nordin. *PENDETA*, 14(1), 88–113. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.8.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.8.2023>

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan pengaplikasian prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang terdapat dalam Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Oleh hal yang demikian, terdapat lima objektif utama dalam kajian ini iaitu, menganalisis prinsip pemilihan diksi, menganalisis pembentukan ayat, menganalisis prinsip kajian semantik, menganalisis unsur bahasa dramatik dan gaya individualisme. Penganalisisan data pula adalah secara kualitatif yang melibatkan analisis terhadap teks Novel Pantai Kasih. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian yang telah diimplementasikan, hasil kajian sememangnya mendapati bahawa terdapat lima elemen Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang diketengahkan menerusi Novel Pantai Kasih. Akhir sekali, kajian stilistik ini diharapkan mampu menjadi wadah bagi memartabatkan bidang stilistik sebagai satu jiwa dalam dunia pendidikan sastera Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang stilistik bukan sahaja menonjolkan kesenian bahasanya malah turut menjadi pantulan khususnya dalam kalangan masyarakat menerusi penghayatan terhadap karya sastera tersebut. Secara holistiknya, prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang diketengahkan menerusi Novel Pantai Kasih secara tidak langsung memperlihatkan karya tersebut sarat dengan keindahan bahasanya yang tersendiri khususnya dalam penciptaan karya sastera.

Kata Kunci: Prinsip Stilistik; J.J. Webber (1989); Pendidikan Sastera Melayu; Novel; Komsas

ABSTRACT

This study focuses on the application of Stylistic principles J.J. Webber (1989) found in the Novel Pantai Kasih by Azmah Nordin. Therefore, there are five main objectives in this study, for instance, analyzing the principles of diction selection, analyzing the formation of sentences, analyzing the principles of semantic, analyzing the elements of dramatic language and the style of individualism. The data analysis is qualitative which involves the analysis of the text of the novel Pantai Kasih. In relation to that, based on the research that has been implemented, the results of the study indeed found that there are five elements of J.J.'s Stylistic Principles. Webber (1989) who was highlighted through the novel Pantai Kasih. At last, this stylistic study is expected to be able to become a weapon to dignify the field of stylistics as a soul in the world of Malay literature education. This is said to be so because the field of stylistics not only highlights the art of the language but also becomes a reflection especially in the community through the appreciation of the literature arts. Holistically, the Stylistic principles of J.J. Webber (1989) who was highlighted through the novel Pantai Kasih indirectly shows that this novel is loaded with the beauty of its own language, especially in the creation of literary works.

Keywords: *Stylistic Principles; J.J. Webber (1989); Malay Literature Education; Novel; Literature Component*

PENGENALAN

Naffi Mat (2006:9) pernah menyatakan bahawa mengajar komponen sastera (KOMSAS) dalam subjek bahasa Melayu adalah berlandaskan falsafah berkaitan keperluan dan kesesuaian menerapkan ilmu kesusasteraan. Salah satu daripada falsafah pengajarannya adalah mewujudkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Misalnya, menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996), salah satu elemen yang dapat dilihat, iaitu perkembangan potensi intelek adalah memastikan seseorang itu berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

Menurut Naffi Mat (2006:9) juga, menggunakan bahasa sastera begitu relevan dalam mengajar bahasa Melayu. Dalam mencipta karya sastera, pengarang lazimnya menggunakan bahasa sebagai media utama dan berbentuk falsafah dalam menyampaikan mesej, idea dan pandangan hidup dunianya. Jika dilihat dengan perspektif yang lebih jitu, cara ini secara tidak langsung dapat memberikan sumbangan bagi meningkatkan penguasaan dan perkembangan bahasa seseorang lebih-lebih lagi sifat sastera adalah mementingkan kehalusan dan keindahan atau juga dikenali sebagai stilistik. Penggunaan bahasanya yang indah dengan susunan stilistik yang membentuk irama dan bunyi menjadi lebih menarik. Hal inilah yang dikatakan bahawa bahasa dan sastera tidak dapat dipisahkan.

Crystal (1985:20) mengatakan bahawa stilistik bermaksud gaya bahasa yang merujuk kepada jenis kaedah kajian linguistik tertentu ketika bahasa digunakan dalam ucapan masyarakat, seperti bahasa sains, undang-undang, agama, debat, sastera atau bahasa kelas sosial yang berbeza. Crystal (1985:21) juga mengatakan bahawa kajian stilistik sebenarnya boleh dibahagikan kepada dua perkara, iaitu kajian tentang kelainan bahasa yang mengandungi bentuk gaya bahasa pengulangan, penyirnaan, perbandingan, pertautan dan pertentangan. Kelainan bahasa yang dimaksudkan juga termasuklah peribahasa, sindiran dan gaya retorik. Ciri yang keduanya ialah pemakaian bahasa yang mencakupi dalam bidang linguistik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Oleh hal yang demikian, Novel Pantai Kasih hasil karya Azmah Nordin dapat dilihat sebagai karya yang mencakupi unsur stilistik melalui penggunaan bahasanya di samping sarat dengan keindahan bahasa serta hubung kaitnya dapat dilihat menerusi unsur pendidikan. Hal ini jelas dapat dilihat misalnya menerusi penguasaan pelajar terhadap pengetahuan stilistik dalam beberapa kemahiran yang terkandung dalam DSKP, iaitu kemahiran menulis, kemahiran bertutur dan aspek seni bahasa. Bagi mengukuhkan pernyataan tersebut, menerusi laporan berita oleh Mariah Ahmad (2016) melaporkan bahawa Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar), Datuk Seri Khairil Awang berkata bahawa sememangnya Novel Pantai Kasih mempunyai elemen kebolehan dari aspek kosa kata, tatabahasa serta keindahan bahasa atau juga dikenali sebagai stilistik. Rentetan itu, Novel Pantai Kasih akan terus digunakan sebagai komponen sastera (Komsas) dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar Tingkatan Empat di Melaka, Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Pada masa yang sama, bidang stilistik yang sememangnya bertujuan untuk menyerlahkan dan menunjukkan keupayaan pengarang atau penulis menggunakan bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan pemikiran yang bersifat imaginatif, figuratif, simbolik dan memiliki unsur-unsur estetika (Arba'ie Sujud, 2014:30). Hal ini telah dicungkil dengan lebih jelas menerusi novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Oleh hal yang demikian, analisis ini tertumpu kepada kepada salah satu karya Azmah Nordin, iaitu Novel Pantai Kasih. Beliau yang juga merupakan penerima S.E.A Write Awards 2019 dilahirkan di Kulim, Kedah.

Azmah Nordin diakui juga sebagai pengarang yang suka memasukkan fenomena baharu, latar-latar dan watak- watak dalam konteks karya yang dihasilkan oleh pengarang, khususnya pengarang wanita. Usaha ini secara tidak langsung membolehkan Azmah membuka jalur baharu yang lebih mencabar, rumit dan mengutamakan keperluan ilmu dalam berkarya. Sehubungan dengan itu, keupayaan dan keberkesanan karya ini sebagai sebuah karya yang kaya dengan unsur stilistik sepertimana yang digariskan oleh J.J Webber akan diperlihatkan, dibincang dan dinilai dengan menggunakan prinsip stilistik J.J Webber (1989) menerusi Novel Pantai Kasih.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini berpendapat bahawa Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) kurang diaplikasikan secara menyeluruh yang melibatkan keenam-enam elemen tersebut dalam penghasilan karya sastera khususnya. Dalam pada itu, bidang stilistik sememangnya perlu diketengahkan memandangkan bidang ini ibarat nyawa dalam sesebuah karya yang dihasilkan. Hal ini selari dengan Nik Hassan Basri (2007:378) mengatakan bahawa stilistik itu meliputi teknik pemakaian bahasa. Hal ini membuktikan bahawa aspek stilistik merupakan elemen yang sangat penting dalam menghasilkan sebuah karya yang berkualiti tinggi kerana sarat dengan keindahan bahasa yang tersendiri.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini diimplementasikan adalah bertujuan untuk:

- a) Menganalisis prinsip diksi dalam Novel Pantai Kasih.
- b) Menganalisis prinsip pembentukan ayat dalam novel Pantai Kasih.
- c) Menganalisis prinsip semantik atau kajian makna dalam Novel Pantai Kasih.
- d) Menganalisis unsur bahasa dramatik dalam Novel Pantai Kasih.
- e) Menganalisis gaya individualisme yang terdapat dalam Novel Pantai Kasih.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Salah satu kajian lepas mengenai Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) ialah Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman oleh Mohd Khairul (2018) bagi mengenal pasti fungsi penggunaan aspek diksi pada novel, menganalisis kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dan mengenal pasti gaya peribadi penulis novel ini. Dapatan kajian tersebut mendapati bahawa penggunaan aspek diksi banyak digunakan seperti slanga, dialek dan bahasa asing ternyata dapat memberi fungsi dalam novel ini misalnya, merealitkan latar-latar, mengenal pasti perwatakan dan mewujudkan kesan kepada watak. Secara ringkasnya, didapati bahawa menerusi kajian lepas yang dilakukan oleh Mohd Khairul (2018) tersebut, hanya memfokuskan penggunaan bahasa dramatik sahaja. Tidak dinafikan bahawa penggunaan unsur bahasa dramatik turut menyumbang kepada keunikan sesebuah jalan cerita dalam sesebuah karya. Dengan adanya penggunaan unsur dramatik ianya dilihat akan menjadikan sebuah penceritaan itu lebih realistik. Kendatipun begitu, kajian lepas ini dilihat hanya menerapkan tiga prinsip daripada enam prinsip J.J. Webber (1989) namun sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini dalam menganalisis prinsip Stilistik menerusi Novel Pantai Kasih tersebut.

Selanjutnya, kajian lepas yang bertajuk Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri Berdasarkan Prinsip Stilistik J.J. Webber oleh Rohayati binti Junaidi (2017). Kajian tersebut yang dijalankan bagi mengenal pasti gaya stilistik yang terdapat dalam karya dan menganalisis karya menggunakan prinsip stilistik J.J. Webber (1989). Dapatan kajian mendapati bahawa berdasarkan 28 buah sajak yang dikaji dengan menggunakan prinsip stilistik J.J. Webber iaitu, sememangnya terdapat penggunaan bunyi atau fonologi, penggunaan perkataan, diksi atau leksikal, penilaian terhadap pembentukan ayat atau struktur sintaksis, kajian terhadap makna, unsur-unsur bahasa dramatik dan gaya individualisme. Menerusi kajian tersebut, ternyata keenam-enam prinsip ini terdapat dalam Kumpulan Puisi Mencari Makna Diri karya Awang Sariyan. Kehadiran prinsip stilistik ini telah memberi kesan keindahan dan keberkesanan terhadap mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang selaras dengan takrifan karya sastera itu sendiri, iaitu indah dan bermanfaat. Tegasnya bahawa kajian lepas ini sangat membantu kajian ini dalam menganalisis Novel Pantai Kasih kerana prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang dikaji secara menyeluruh melibatkan keenam-enam prinsip tersebut.

Dalam pada itu, kajian lepas juga melibatkan Penanda Elipsis Dalam Cerpen Dari Perspektif Stilistik oleh Nadiatul Shakinah Abdul Rahman (2020). Kajian tersebut yang menggunakan kaedah secara analisis tekstual bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur stilistik, iaitu penanda elipsis dalam Kumpulan Cerpen Masitah karya Mawar Shafei, Kumpulan Cerpen Persimpangan Lebu Raya karya Chacho Haji Bulah dan Lelaki Tua dan Sebuah Kerusi karya

Saifullizan Yahaya serta cerpen-cerpen dalam majalah Dewan Sastera, Dewan Agama dan Falsafah, Anis dan Dewan Siswa, keluaran antara bulan Januari hingga Disember 2006. Oleh hal yang demikian, dapatan kajian mendapati bahawa penanda elipsis dikesan menerusi pernyataan lisan (verbal) dalam dialog dan pernyataan bukan lisan (non-verbal) dalam ayat cerpen yang dikaji. Justeru, menerusi kajian ini dapat menentengahkan dan merungkai persoalan mengenai penanda elipsis dalam karya sastera. Berdasarkan kajian lepas melibatkan Penanda Elipsis ini, sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini dalam menganalisis prinsip Stilistik dari aspek pembentukan ayat.

Tambahan lagi, kajian lepas yang bertajuk Pengenaln Puisi Billy Collins yang dijalankan oleh Fariha Ali Jumani (2016). Kajian tersebut dijalankan bagi mengenal pasti tahap stilistik yang merangkumi fonetik, fonologi, leksikal, tatabahasa dan semantik. Dapatan kajian mendapati bahawa puisi Collins telah menggunakan banyak teknik sastera dalam puisi tersebut. Puisi tersebut dipenuhi dengan metafora, simile, imejan dan personifikasi. Memandangkan karya yang dihasilkan ialah puisi, maka konsepnya dikatakan mempunyai persamaan dengan syair yang mempunyai penggunaan metafora dan simile. Hasil kajian juga mendapati bahawa analisis wacana yang diselitkan. Kajian tersebut menyimpulkan bahawa dalam konteks linguistik dan sastera sangat membantu untuk mengetahui niat atau motif tersembunyi penulis. Hal tersebut juga digunakan untuk mengetahui fungsi bahasa yang digunakan untuk orang yang berbeza dan dapat membantu menganalisis fungsi sosial bahasa serta perkataan.

Selain itu, kajian lepas yang bertajuk Analisis Stilistik Dua Puisi Terpilih oleh Eman Adil Jaafar (2016) yang menjalankan kajian terhadap dua oleh penyair terkenal dalam Kesusasteraan Inggeris iaitu E.E. Cummings dan pemenang bangsawan Ireland Seamus Heaney. Kajian tersebut adalah untuk menghayati makna puisi Cummings "*maggie and milly and molly and may*" dan Heaney "*A Kite for Aibhín*" dari sudut stilistik. Kajian tersebut juga telah menganalisis puisi sebagai alat linguistik dengan mengambil pandangan beberapa tokoh. Hasil kajian juga mendapati bahawa stilistik sebagai disiplin saintifik yang sangat bermanfaat bagi mereka yang mengajar bahasa dan sastera Inggeris. Kajian tersebut turut menyimpulkan bahawa stilistik bukan sahaja penting kepada pelajar asing bahkan penutur bahasa Inggeris juga boleh memperoleh manfaat daripadanya. Akhir sekali, kajian tersebut merumuskan bahawa stilistik sebagai suatu kaedah linguistik boleh membantu meningkatkan pemahaman logik dan saintifik terhadap teks sastera berdasarkan bukti linguistik.


Akhir sekali, kajian lepas yang bertajuk Analisis Stilistik Puisi 'Jika' karya Rudy Yard Kipling oleh Muhammad Ismail Memon (2020) yang bertujuan bagi menganalisis gaya bahasa puisi kepada tiga peringkat asas, iaitu fonologi, morfologi dan pragmatik. Kajian tersebut mendapati bahawa puisi yang dikaji itu menjadi sumber inspirasi bagi remaja yang kecewa dan merupakan keajaiban linguistik kerana puisi tersebut mempunyai struktur dan gayanya yang unik. Melalui dapatan kajian itu juga, didapati bahawa pembaca dapat memahami prinsip teras dan konsep Stilistik yang digunakan secara estetik dalam puisi "Jika" oleh penyair tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat gaya bahasa dan kaedah yang digunakan oleh penyair semasa menulis puisi tersebut dikatakan mempunyai ciri yang tersembunyi di mana memerlukan pembaca untuk menghayati dan mentafsir secara tersirat untuk memahaminya. Berdasarkan kajian-kajian lepas oleh Muhammad Esmail Memon (2020) dapat disimpulkan bahawa kajian lepas tersebut sangat membantu kajian ini dalam menganalisis data khususnya dari sudut pandang Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang melibatkan hampir kesemua elemen, iaitu fonologi, pragmatik dan morfologi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan analisis terhadap teks Novel Pantai Kasih. Pada masa yang sama, kajian ini merupakan kajian yang menggunakan kaedah kepustakaan bagi mencapai objektif kajian. Hal ini turut bertepatan oleh Noeng Muhadjir (1996: 169) dalam menyatakan bahawa metodologi penelitian kepustakaan mencakupi sumber data, pengumpulan data dan analisis data. Hal ini secara mudahnya dapat dikatakan bahawa kaedah kajian kepustakaan memerlukan kajian ini mencari maklumat menerusi bahan-bahan akademik misalnya kertas-kertas seminar, jurnal, akhbar dan sebagainya dalam bentuk salinan lunak atau kasar.

Kajian ini telah menggunakan Novel Pantai Kasih yang merupakan karya Azmah Nordin sebagai instrumen kajian yang mengandungi sembilan bab bersamaan 164 muka surat yang telah diterbitkan oleh Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd pada tahun 2014.

Kajian ini menggunakan data-data yang dikumpulkan melalui semakan dokumen, iaitu berpandukan Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Data-data yang diperoleh melalui analisis dokumen secara deskriptif ini untuk menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan analisis unsur stilistik yang terdapat dalam Novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin. Berikut merupakan rajah carta alir prosedur pengumpulan data untuk kajian ini:



Rajah 1: Carta Alir Prosedur Pengumpulan Data

KERANGKA TEORI

TEORI STILISTIK J.J. WEBBER (1989)

Kajian ini menggunakan Teori Stilistik J.J. Webber (1989) yang terdapat dalam buku beliau yang berjudul *The Stylistic Reader* sebagai kerangka teori yang utama. Dalam kajian ini akan mengemukakan enam prinsip kajian stilistik namun hanya lima prinsip tersebut akan dijadikan panduan dalam proses analisis kajian.

Keenam-enam prinsip Stilistik J.J. Webber 1989 yang dikatakan merangkumi analisis prinsip fonologi di mana menurut J.J. Webber (1989: 57) fonologi mementingkan kesepaduan dalam kajian terhadap bunyi. Misalnya menurut Webber juga dalam fonologi merupakan kajian yang melibatkan sebarang bunyi bahasa seperti pengulangan awal kata, akhir kata mahupun di bahagian tengah. Jika dilihat dengan skop yang lain pula, Asmah Haji Omar dalam bukunya *Fonologi Bahasa Iban* menyatakan bahawa fonologi merupakan kajian mengenai bunyi bahasa, khususnya bunyi sesuatu bahasa tertentu. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa prinsip fonologi atau penggunaan bunyi ialah melihat taburan penggunaan bunyi seperti meneliti aspek asonasi, aliterasi, rima dan sebagainya. Kekekapan penggunaan bunyi tersebut pasti menimbulkan kesan estetik dan kekuatan. Selain itu, stilistik juga melihat sudut-sudut kelainan atau variasi dalam penggunaannya. Namun begitu, dalam kajian ini, prinsip fonologi tidak akan dikaji secara terperinci dalam dapatan kajian memandangkan prinsip ini menekankan konsep taburan bunyi. Kajian ini pula memfokuskan kajian terhadap novel yang tidak melibatkan sebarang prinsip fonologi untuk dianalisis.

Seterusnya, analisis prinsip diksi pula menurut Webber (1989: 58) yang merujuk kepada pemilihan diksi, iaitu pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan. Menurut Webber (1989: 59) juga, pemilihan diksi membolehkan jalan cerita yang disampaikan selari dengan kosa kata yang digunakan. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa melalui pendapat Webber itu, hasil daripada pemilihan diksi yang tepat akan menentukan keberkesanan sesebuah karya. Selain itu, karya tersebut juga akan meninggalkan kesan kepada pembaca misalnya jika dilihat Novel Pantai Kasih yang mengisahkan pengamal perubahan maka kosa kata atau diksi yang digunakan juga selari dengan tema tersebut.

Seterusnya, Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis di mana merujuk Webber (1989: 60) cara suatu ayat yang dihasilkan dalam sesebuah karya itu diterjemahkan bentuknya. Jika diuraikan apa yang diperkatakan oleh Prinsip Webber ini, analisis pembentukan ayat ini ianya adalah melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Menurut Webber (1989: 61) pelbagai ayat yang dihasilkan akan menyebabkan karya yang dihasilkan menjadi lebih realistik apabila dibaca oleh pembaca. Pembaca khususnya dapat memahami meskipun menggunakan ayat pendek, namun ianya bergantung kepada pengarang dalam mengolahkannya. Oleh hal yang demikian, pembinaan panjang dan pendek ayat harus sesuai dengan suasana dan situasi peristiwa. Berdasarkan prinsip ini penekanan lebih kepada aspek deviasi yang dilakukan untuk menimbulkan gaya yang berkesan. Penggunaan prinsip pembentukan ayat atau struktur sintaksis digunakan oleh pengkaji dalam novel untuk menimbulkan kesan stilistik terhadap novel tersebut.

Dalam pada itu, menurut Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989: 65) juga melibatkan Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik Kajian yang merujuk kajian terhadap bidang makna secara tersurat mahupun tersirat. Menurut Webber (1989: 67) dalam stilistik sangat mementingkan makna untuk difahami. Makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Secara ringkasnya, pendapat Webber mengenai semantik ialah pengkhususan kepada makna atau semantik atau dalam kata lain, iaitu penggunaan bahasa bermula dari taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat yang bertujuan untuk mendapatkan makna. Penggunaan bahasa harus diselaraskan sesuai dengan teknik dan tema karya. Prinsip ini mengemukakan unsur-unsur ambiguiti dan ketaksaan yang digunakan oleh penulis untuk menghasilkan sebuah novel yang menarik serta berkesan terhadap pembaca di samping melihat aspek deviasi dalam makna.

Di samping itu, dalam kajian ini turut menyelitikan Prinsip Stilistik yang tidak kurang pentingnya, iaitu Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik Dramatik, menurut Webber (1989: 75) dramatik ini boleh dikategorikan sebagai suatu bahasa yang mempunyai gaya. Webber (1989: 76) juga mengatakan bahawa bahasa dramatik amat penting dalam stilistik kerana ia berfungsi untuk menyifatkan pelbagai kesan yang imaginatif terhadap pembaca. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa unsur bahasa dramatik ini bermaksud mempunyai lagak atau gaya yang sesuai untuk drama. Antara cirinya ialah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti suka, sedih, marah dan sebagainya). Eksploitasi bahasa juga terlibat dari aspek pengaplikasian unsur dramatik sangat memberikan kesan gaya dan keindahan kepada sajak. Antara unsur-unsur tersebut ialah simile, aforisme (peribahasa dan bidalan), stikometri (untuk menegangkan plot) dan sebagainya. Webber (1989: 78) menyatakan bahawa kebiasaannya plot ini melibatkan teknik yang digunakan seperti retorik atau teknik plot yang digunakan bagi setiap jalan cerita. Secara ringkasnya, stilistik melihat unsur apa yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan cara unsur tersebut dicerap dalam karya. Kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung eksploitasi bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik.

Akhir sekali, salah satu elemen dalam prinsip Stilistik J.J. Webber (1989:72) termasuklah Prinsip Gaya Individualisme. Prinsip yang memfokuskan gaya individualisme, iaitu identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis itu. Menurut Webber juga (1989: 72), stilistik ini mementingkan keindahan bahasa maka identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis sangat menggambarkan seseorang penulis itu. Melalui cara itu, karya penulisannya akan mudah dikenal pasti oleh pembaca terhadap karya yang dihasilkan. Pada masa yang sama, gaya individualisme ini juga menurut perspektif yang lebih jitu, membawa maksud gaya penulisan peribadi seseorang penulis. Kajian ini berpendapat bahawa setiap penulis sudah pasti memiliki cara tersendiri dalam menyampaikan karya dengan berkesan. Berdasarkan pandangan Umar Junus (1989: 21), individualisme dikaitkan dengan gaya sebagai serangkaian ciri peribadi yang dilihat melalui pemakaian bahasa seseorang. Tambahan beliau lagi, gaya individualisme dengan mudah dapat dikenal pasti dengan menunjukkan satu karya penulis itu dan berkata bahawa ini adalah gaya penulis itu sendiri yang mungkin juga diertikan tidak dipunyai oleh penulis lain.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

ANALISIS PRINSIP PEMILIHAN DIKSI

Menurut Webber (1989:58) analisis prinsip pemilihan diksi merujuk kepada pemilihan dan penggunaan perkataan yang sesuai dengan tema atau tajuk sesuatu bahan bercerita dan berkesan untuk mengungkapkan idea sama ada secara bertulis atau lisan. Menurut Webber (1989:59) juga, pemilihan diksi membolehkan jalan cerita yang disampaikan selari dengan kosa kata yang digunakan. Selain itu, menurut Saleh Ahmad (2016:152) pula, pemilihan diksi dapat dikatakan sebagai pemilihan dan penggunaan perkataan yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea secara bertulis mahupun lisan.

Dari aspek diksi juga, pengarang jelas memilih kosa kata yang sesuai dengan latar masa, tempat dan masyarakat dalam cerita. Memandangkan Novel Pantai Kasih ini bertemakan kisah tentang konflik yang berlaku dalam masyarakat yang terdiri daripada pengamal perubatan, maka beberapa penggunaan variasi diksi telah digunakan misalnya yang ketara sekali penggunaan laras bahasa sains khususnya, penggunaan bahasa Inggeris dan penggunaan bahasa Arab juga diketengahkan menerusi novel ini. Berikut merupakan Jadual 1 yang menunjukkan contoh penggunaan pemilihan diksi yang terdapat dalam Novel Pantai Kasih hasil karya Azmah Nordin.

Jadual 1: Contoh Penggunaan Pemilihan Diksi dalam Novel Pantai Kasih

| Bil. | Prinsip Pemilihan Diksi | Contoh Penggunaan dalam Novel Pantai Kasih |
|------|-------------------------|---|
| 1. | Laras bahasa Sains | a) Sinar-X (hlm.2) b) Anatomi (hlm.4) c) Dressing (hlm.16) d) Ortopedik dan Perawatan (hlm.42) e) Ultrasound (hlm.57) f) Autopsy (hlm.57) |
| 2. | Laras Bahasa Inggeris | a) Surgery (hlm.4) b) Gentleman (hlm.5) c) Sister (hlm.10) d) Happy-go-lucky (hlm.16) e) Sliding door (hlm.26) f) Staff nurse (hlm.31) g) Single (hlm.32) h) Flashlight (hlm.50) |
| 3. | Bahasa Arab | a) Rabbi (hlm.9) b) Beristghfar (hlm.127) c) Astaghfirullah (hlm.147) d) Allah (hlm.158) |

Berdasarkan Jadual 1, melalui pemilihan diksi yang utama, iaitu jenis laras bahasa Sains yang saling selari dengan gambaran novel yang memperlihatkan masyarakatnya yang terdiri dalam kalangan pengamal perubatan. Misalnya, pengarang menggunakan diksi *sinar-X* untuk menggambarkan sinaran dalam badan Unong Siron. Pada masa yang sama, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 1003), sinar- X atau X-ray merupakan salah satu daripada sinaran elektromagnet. Oleh hal yang demikian, bagi menggambarkan keadaan yang berlaku terhadap Unong Siron, pengarang menggunakan diksi sinar-X kerana lebih sesuai dari sudut pandang pengetahuan sains. Misalnya, contoh pemilihan diksi yang melibatkan laras bahasa sains seperti *Ortopedik* yang membawa maksud bidang perubatan yang memfokuskan pada pembedahan atau anatomi. Hal ini dikatakan demikian bagi menunjukkan bahawa pengarang menggunakan diksi tersebut kerana Dr. Uwang sememangnya merupakan doktor yang sering terlibat dengan pembedahan serta mengajar Raiha mengenai unsur-unsur pembedahan.

Selain laras bahasa Sains, pengarang juga kerap menggunakan laras bahasa Inggeris, iaitu turut melibatkan percampuran kod dalam novel tersebut. Memandangkan latar masyarakatnya yang berfokuskan dalam kalangan pengamal perubatan, sudah pasti diksi bahasa Inggeris kerap digunakan

termasuklah penggunaan diksi **gentleman** dalam situasi di mana pengarang memerihalkan Dr. Sadiz yang merupakan seorang duda beranak dua pada luarannya kelihatan *gentleman*, dan kerana itu diterima Raiha dalam hidupnya. **Gentleman** bermaksud berbudi bahasa atau penuh dengan tatatertib di mana pengarang beranggapan diksi itu sesuai untuk digambarkan perwatakan Dr. Sadiz. Tambahan lagi, penggunaan diksi bahasa Inggeris juga termasuklah **sister** yang merujuk kepada panggilan kepada jururawat di sesebuah hospital, pada dasarnya **sister** bermaksud kakak namun dalam dunia perubatan, diksi **sister** merujuk kepada jururawat.

Selanjutnya, pengarang Novel Pantai Kasih juga turut menyelitkan penggunaan bahasa Arab dalam komunikasi harian mereka. Misalnya dapat dilihat penggunaan diksi **beristighfar** yang menggambarkan Raiha sangat terkejut lalu dia beristighfar dengan mengingati Tuhan. Pengarang sebenarnya ingin menunjukkan bahawa meskipun dalam keadaan yang sangat sulit, namun Raiha masih mampu mengingati Tuhan dengan **beristighfar** kepada-Nya bagi memohon kekuatan. Dalam situasi itu, sememangnya diksi **beristighfar** lebih sesuai digunakan kerana Raiha diperihalkan sangat terkejut dengan apa yang dialaminya. Diksi bahasa Arab yang turut digunakan ialah **Allah** di mana dalam situasi tersebut, dapat dilihat Raiha sedang berdoa sambil menutup matanya rapat-rapat dengan memohon kepada Tuhan untuk dikurniakan kekuatan dan kesabaran dalam menempuh ujian yang mendatang. Pengarang pastinya menyelitkan diksi ini bersesuaian dengan situasi yang dialami Raiha di mana Raiha digambarkan sangat memerlukan pertolongan daripada Allah, dan kerana itu diksi **Allah** itu digunakan.

Hal ini turut bertepatan apabila menurut Abu *Hassan Abdulet al* (2016) dalam kajian yang bertajuk Retorika Dakwah Dalam Autobiografi - *Perjalananku Sejauh Ini Dan Kenang-Kenangan Hidup yang menyatakan bahawa* bahawa penulisan karya dipengaruhi oleh pemilihan leksis terutamanya pemilihan leksis Islami yang tepat. Leksis Islami merujuk penggunaan ungkapan berunsur keagamaan (Islam) yang antara tujuannya untuk menarik minat pembaca kepada amal-amal soleh, misalnya menggunakan kata *berzikir*. Penggunaan leksis Islami ini saling bertepatan dengan Azmah Nordin dalam menggunakan laras bahasa Arab yang sebenarnya ingin mengajak pembaca supaya sentiasa beramal soleh dalam mengungkapkan perkataan menerusi karya beliau.

ANALISIS PRINSIP PENILAIAN PEMBENTUKAN AYAT ATAU STRUKTUR ANALISIS

Analisis Prinsip Penilaian Pembentukan Ayat atau Struktur Analisis Prinsip di mana merujuk Webber (1989:60) bagaimana suatu ayat yang dihasilkan dalam sesebuah karya itu diterjemahkan bentuknya. Jika dihuraikan apa yang diperkatakan oleh Prinsip Webber ini, analisis pembentukan ayat ini ianya adalah melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Menurut Webber (1989:61) lagi, pelbagai ayat yang dihasilkan akan menyebabkan karya yang dihasilkan menjadi lebih realistik apabila dibaca oleh pembaca.

Prinsip penilaian pembentukan ayat ini adalah untuk melihat susunan ayat dari sudut panjang dan pendeknya. Sehubungan dengan itu, prinsip ini menekankan lebih kepada kajian morfologi dan sintaksis yang akan menimbulkan gaya dan pemahaman yang berkesan terhadap pembaca. Penggunaan prinsip pembentukan ayat ini akan digunakan oleh pengarang untuk menimbulkan variasi kesan stilistik terhadap karyanya. Berikut merupakan Jadual 2, contoh penggunaan pembentukan ayat yang terdapat dalam novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin.

Jadual 2: Contoh Penggunaan Prinsip Pembentukan Ayat dalam Novel Pantai Kasih

| Bil. | Prinsip Pembentukan Ayat | Contoh Penggunaan dalam Novel Pantai Kasih |
|------|--|--|
| 1. | Ayat Pendek | Dia mengeluh singkat. (hlm.9) Mustahil. (hlm.21) Dia mengerutkan kening. (hlm.25) Dia geram. (hlm.47) Penuh waspada. (hlm.90) Seakan-akan sahaja. (hlm.95) |
| 2. | Pembentukan ayat tidak mengikut subjek + predikat | Namun, dia gagal dalam peperiksaan semester terakhirnya. (hlm.134) Namun, Uwang yakin. (hlm.71) Uwang resah gelisah kembali. (hlm.69) Raiha mengesak. (hlm.5) |
| 3. | Penggunaan struktur ayat panjang | Sebaik-baik sahaja menghentikan langkah di hadapan pintu wad kelas biasa yang dihuni oleh Unong Siron yang tertutup rapat itu, buat beberapa detik pula Raiha menghela nafasnya dalam – dalam. (hlm.120) Dengan pandangan yang agak kabur, digerakkan bola matanya ke arah rak TV LED yang dihubungkan dengan parabola, telefon dail dan terus di sisi katil, almari pakaian yang diperbuat daripada kayu nyatuh dan meja tulis di penjurur wad. (hlm.38) |
| 4. | Kata Penegas Akar yang berfungsi memberi penekanan kepada ayat penyata | Para penyewa di kondominium mewah itu <i>hanya</i> mengenalinya sebagai Dr. Raiha, tidak lebih daripada itu. (hlm.120) Sejurus <i>sahaja</i> selesai dengan tugasnya mengukur nadi, mengambil suhu badan, memeriksa tekanan darah Wanita itu dan sebagainya, Felicia bergegas meninggalkan wad itu. (hlm.41) Wajah isterinya yang jelita juga kini telah berubah seakan- akan wajah seorang kanak- kanak perempuan di kaca Tv itu. (hlm.63) |
| 5. | Dua perkataan dari golongan kata yang sama digunakan untuk memantapkan makna | Secara mendadak, Uwang mengerutkan dahinya, tubuhnya yang <i>panas</i> tidak keruan tadi, serta - merta telah terpadam <i>kehangatannya</i> . Uwang resah <i>gelisah</i> kembali. (hlm.69) |
| 6. | Pengguguran subjek | Tidak sesuai sama sekali! (hlm.7) Bohong! (hlm.35) Sakit? (hlm.40) Ada lagi tak? (hlm.43) |

Berdasarkan Jadual 2, merujuk kepada contoh yang utama bagi prinsip pembentukan ayat, iaitu penggunaan struktur ayat pendek di mana prinsip penilaian pembentukan ayat ini berfungsi untuk menimbulkan kesan atau impak yang maksimum kepada pembaca melalui penguasaan struktur ayat yang bervariasi melalui kepanjangan dan kependekan ayat yang dihasilkan. Contoh ayat yang pertama yang berbunyi ialah **Dia mengeluh singkat** di mana penggunaan ayat yang digunakan walaupun namun masih difahami oleh pembaca yang menunjukkan dia mengeluh singkat atau dalam erti kata lain, dia mengeluh pendek. Meskipun pengarang menggunakan struktur ayat pendek namun masih boleh difahami oleh pembaca. Kajian ini berpendapat bahawa variasi ayat yang dihasilkan membolehkan ayat tersebut dipanjangkan mengikut situasi yang bersesuaian. Seterusnya, ayat yang kedua ialah **Dia geram** di mana ayat tersebut menggambarkan yang Raiha berasa geram apabila suara-suara aneh kerap mengganggunya. Contoh ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa ayat yang digunakan oleh pengarang

jelas difahami oleh pembaca meskipun ianya berstruktur pendek yang melibatkan dua perkataan sahaja.

Seterusnya, prinsip pembentukan ayat yang kedua ialah pembentukan ayat tidak mengikut subjek + predikat. Hukum tatabahasa menunjukkan ayat yang gramatis perlulah mempunyai subjek dan predikat bagi melengkapkan ayat tersebut. Hal ini turut disokong apabila menurut Asmah Hj. Omar dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir* (1993: 355), ayat didefinisikan sebagai "ayat adalah unit yang paling tinggi dalam skala tatattingkat nahu. Ayat terdiri dari klausa yang disertai dengan intonasi ayat yang lengkap, yakni yang dimulai dengan kesenyapan dan diakhiri dengan kesenyapan dan intonasinya menyatakan bahawa ayat itu sempurna dan selesai." Misalnya, dalam *Novel Pantai Kasih*, terdapat beberapa penggunaan ayat yang tidak menepati subjek + predikat seperti:

Namun, dia gagal dalam peperiksaan semester terakhirnya.

(*Novel Pantai Kasih*, hlm: 134)

Hal ini dapat dilihat di mana ayat berikut merupakan klausa tidak bebas di mana klausa tersebut tidak boleh berdiri dengan sendiri dan tidak boleh dikategorikan sebagai ayat kerana tidak lengkap bahagian subjek atau predikatnya. Ayat itu akan lengkap apabila dilengkapi subjeknya yang berbunyi seperti **Uwang sememangnya telah berusaha keras namun dia gagal dalam peperiksaan semester terakhirnya**. Contoh lain yang dapat dilihat ialah:

Namun, Uwang yakin.

(*Novel Pantai Kasih*: hlm: 71)

Ayat tersebut lengkap dengan subjeknya kerana ia merupakan klausa tidak bebas yang tidak boleh berdiri dengan sendiri. Ayat itu akan lengkap apabila diletakkan subjeknya yang berbunyi seperti **pembedahan itu tidak mungkin akan berjaya namun Uwang yakin**. Tambahan lagi, prinsip pembentukan ayat turut melibatkan penggunaan struktur ayat yang panjang. Misalnya datanya termasuklah:

Sebaik-baik sahaja menghentikan langkah di hadapan pintu wad kelas biasa yang dihuni oleh Unong Siron yang tertutup rapat itu, buat beberapa detik pula Raiha menghela nafasnya dalam – dalam.

(*Novel Pantai Kasih*, hlm: 120)

Dengan pandangan yang agak kabur, digerakkan bola matanya ke arah rak TV LED yang dihubungkan dengan parabola, telefon dail dan terus di sisi katil, almari pakaian yang diperbuat daripada kayu nyatuh dan meja tulis di penjuru wad.

(*Novel Pantai Kasih*, hlm: 38)

Jika diteliti ayat pertama secara teliti, terdapat 30 patah perkataan yang digunakan dalam ayat tersebut manakala contoh ayat kedua pula adalah yang melibatkan 37 patah perkataan. Jelas menunjukkan bahawa kedua-dua contoh ayat ini menunjukkan kehadiran struktur ayat yang panjang dihasilkan oleh pengarang dalam novel tersebut. Jelaslah bahawa, penggunaan struktur ayat yang panjang secara tidak langsung memperlihatkan gaya penulisan Azmah Nordin yang kreatif dan berani menghasilkan bait-bait penulisan yang berstruktur panjang. Di samping penggunaan ayat yang berstruktur panjang, kata penegas akar turut kerap digunakan oleh pengarang. Misalnya, dapat dilihat menerusi contoh yang berikut iaitu:

Para penyewa di kondominium mewah itu **hanya** mengenalinya sebagai Dr. Raiha, tidak lebih daripada itu.

(*Novel Pantai Kasih*, hlm: 120)

Ayat tersebut jelas menunjukkan apabila diselitkan kata penegas **hanya** untuk menggambarkan bahawa penyewa di kondominium itu hanya mengenali Dr. Raiha sebagai doktor sahaja, tidak lebih daripada itu, yang bermaksud apabila diletakkan kata penegas **hanya** menunjukkan ayat tersebut ingin menegaskan pembaca bahawa setakat itu sahaja pengetahuan penyewa tersebut mengenai Raiha yang bergelar sebagai seorang doktor padahal Raiha merupakan seorang isteri dan mempunyai seorang anak kelainan upaya bernama Rahayu. Selain itu, contoh ayat yang mempunyai kata penegas akar ialah:

Sejurus **sahaja** selesai dengan tugasnya mengukur nadi, mengambil suhu badan, memeriksa tekanan darah wanita itu dan sebagainya, Felicia bergegas meninggalkan wad itu.
(Novel Pantai Kasih, hlm: 41)

Ayat ini jelas menunjukkan kata penegas akar digunakan iaitu **sahaja** di mana pengarang cuba menegaskan situasi tersebut bahawa selepas Felicia menyelesaikan tugasnya dengan menggunakan kata penegas akar **sahaja** untuk menunjukkan yang Felicia langsung menyelesaikan tugasnya, dia terus meninggalkan wad tersebut tanpa berlengah sesaat pun. Penggunaan kata penegas akar **sahaja** digunakan untuk memberi penekanan kepada ayat penyata yang dinyatakan. Dalam pada itu, contoh lain juga termasuklah:

Wajah isterinya yang jelita **juga** kini telah berubah seakan-akan wajah seorang kanak-kanak perempuan di kaca TV itu.
(Novel Pantai Kasih, hlm: 63)

Jika dilihat dengan teliti, ayat tersebut turut mengandungi kata penegas akar **juga** yang berfungsi untuk menegaskan suatu pernyataan. Misalnya, dapat dilihat pengarang cuba menegaskan pernyataan bahawa Dr Uwang melihat wajah isterinya seakan-akan berubah wajah seorang kanak-kanak yang terpapar di kaca TV yang ditontonnya.

Dalam Novel Pantai Kasih, pengarang juga sering menggunakan dua perkataan daripada golongan kata yang sama digunakan bagi memantapkan makna. Tamsilannya, contoh yang pertama ialah *Secara mendadak, Uwang mengerutkan dahinya, tubuhnya yang panas tidak keruan tadi, serta -merta telah terpadam kehangatannya*. Jika dilihat ayat tersebut sudah terang lagi jelas mengandungi kata daripada golongan yang sama yang bertujuan bagi memantapkan makna. Misalnya **panas** dan **hangat** merupakan kategori sinonim di mana kedua perkataan tersebut membawa maksud yang sama iaitu suatu keadaan yang panas. Begitu juga dengan contoh yang kedua iaitu Uwang **resah gelisah** kembali. Ayat tersebut jelas menunjukkan pengarang menggunakan diksi **resah** dan **gelisah** yang merujuk keadaan Uwang yang berada dalam keadaan tidak tenang atau tidak tentu arah dan kedua-dua diksi tersebut sememangnya membawa makna yang sama. Pengarang menggunakan kata **resah** dan **gelisah** untuk menimbulkan emosi yang pelbagai kepada pembaca mengenai keadaan Uwang yang tidak selesa ketika berada dalam pusat hiburan tersebut.

Akhir sekali, prinsip pembentukan ayat juga melibatkan pengguguran subjek di mana pengarang memasukkan ayat yang mengalami pengguguran subjek misalnya **Tidak sesuai sama sekali!** Jika dilihat ayat tersebut, sememangnya mengalami pengguguran subjek di mana ayat lengkap akan menjadi seperti **kerjaya sebagai seorang pakar bedah memang tidak sesuai sama sekali denganmu**. Pengguguran subjek tersebut mengalami proses penerbitan namun masih difahami oleh pembaca. Selain itu, contohnya ialah **Ada lagi tak?** Sebenarnya ayat tersebut jelas dilihat berlaku pengguguran subjek di mana ayat asalnya ialah Kartini bertanya kepada Felicia sama ada aiskrim tersebut masih ada lagi ataupun tidak atau dalam ayat tanya seperti **Aiskrim ada lagi tak?** Pengarang dikatakan sering menyelitkan pengguguran subjek adalah untuk memvariasikan penghasilan ayat menerusi proses penerbitan ayat yang berlaku.

ANALISIS PRINSIP KAJIAN SEMANTIK ATAU MAKNA

Menurut Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989:65) mengenai Analisis Prinsip Kajian Terhadap Makna atau Semantik Kajian yang merujuk kajian terhadap bidang makna secara tersurat mahupun tersirat. Menurut Webber (1989:67) juga dalam stilistik sangat mementingkan makna untuk difahami. Makna yang diterjemahkan perlulah merangkumi konotatif ataupun denotatif. Secara ringkasnya, pendapat Webber mengenai semantik ialah pengkhususan kepada makna atau semantik atau dalam kata lain iaitu penggunaan bahasa bermula dari taburan bunyi, pemilihan perkataan dan penyusunan ayat yang bertujuan untuk mendapatkan makna. Prinsip kajian terhadap makna atau semantik pula dapat didefinisikan sebagai kajian tentang makna. Hal ini jelas disokong oleh J.C. Richards dan Richards W. (2013:374) menyatakan bahawa semantik merupakan kajian terhadap makna. Dalam erti kata yang lebih jelas, dapat dikatakan bahawa kajian terhadap semantik ini suatu bidang yang mengkaji makna di mana antara yang dikaji ialah hubungan antara perkataan dengan perkara yang dirujuknya dalam

menentukan perbezaan jenis makna. Menurut Nawi Ismail pula (2016:103), secara lazimnya, kajian terhadap semantik ini dapat dikatakan sebagai kajian berkenaan dengan makna sesuatu perkataan, frasa dan ayat dalam sesuatu bahasa yang digunakan dalam komunikasi lisan mahupun tulisan.

Menerusi novel ini, dapat dilihat pengarang melibatkan penggunaan bahasa yang secara dasarnya merangkumi taburan bunyi, pemilihan diksi serta penyusunan ayat untuk memperoleh setiap makna tersebut. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa juga seharusnya diselaraskan mengikut kesesuaian gaya bahasa dan tema sesebuah karya. Dalam pada itu, prinsip semantik ini dilihat sangat signifikan supaya dapat memberikan impak yang berkesan kepada pembaca khususnya dalam memakna setiap pembacaan mereka melalui ketaksaan dan unsur ambiguiti yang diketengahkan oleh pengarang. Berikut merupakan Jadual 3 yang menunjukkan penggunaan prinsip semantik yang digunakan dalam Novel Pantai Kasih.

Jadual 3: Contoh Penggunaan Prinsip Semantik dalam Novel Pantai Kasih

| Bil. | Prinsip Semantik atau Makna | Contoh Penggunaan dalam Novel Pantai Kasih |
|-------------|------------------------------------|---|
| 1. | Makna Denotatif dan Konotatif | Anak kandung (hlm.28) Harga diri (hlm.106) Mata duitan (hlm.142) |
| 2. | Makna dalam Karya Kreatif | <p>Biarpun Doktor Sadiz, seorang Pakar Perunding Pembedahan itu, amat tidak disenangi oleh bapanya. (hlm.5)</p> <p>‘‘Sakit?’’ (hlm.40)</p> <p>‘‘Berehatlah.’’ (hlm.40)</p> <p>‘‘Tak ada?’’ (hlm.114)</p> <p>Tidak ada pohon yang tumbuh dan besar dalam satu hari. ‘‘Tidak ada juga pohon besar teguh yang roboh dalam satu hari,’’ pesan Datu Ontong kepada Uwang suatu ketika dahulu. (hlm.71)</p> <p>‘‘Doktor Uwang tidak dapat dihubungi .’’ (hlm.131)</p> <p>Beberapa ketika kemudian, dari pintu hadapan, masuk pula seorang wanita yang <i>rugged</i> berblaus hitam dan memakai seluar hitam. Wanita yang tinggi semampai dengan rambut ikal panjang separas bahu yang dibiarkan tergerai itu, menuju ke arah wanita muda yang memandang Dr. Uwang dengan penuh takjub itu. (hlm.73)</p> <p>Selang beberapa lama selepas perbualan itu, di atas lantai yang beralaskan tikar mengkuang usang, kelihatan ibu tua kepada Unong Siron telah mengerekot tubuhnya, tertidur dalam kebimbangan yang amat sangat. Terlena dengan linangan air mata yang masih jelas berkilauan di pipinya yang berkedut <i>macam limau kecut</i> itu. (hlm.122)</p> <p>Kanak-kanak yang bermata serong dan senget sedikit, berkepala bulat, berhidung pesek dan berbadan kecil itu, dengan riang menepuk-nepuk tangannya dan terkinja-kinja keluar dari kereta mewah itu. (hlm.35)</p> |
| 3. | Bahasa Figuratif | <p>...kerdipan lampu warna-warni dan kepulan asap rokok terus menerpa lalu menusuk selaput matanya yang berbinar- binar itu. (hlm.69)</p> <p>Kesangsian dan kegusaran saling bertumpang tindih di ubun-ubunnya. (hlm.14)</p> <p>Yang pasti, keterasingan dan kesepian pula ialah musuh yang mengekori dalam diam bagi wanita <i>single</i> yang mempunyai kerjaya sepertinya. (hlm.32)</p> |

| | | |
|----|----------------------------|--|
| | | <p>Ingatan tentang peristiwa itu, bagaikan sejenis pohon berduri yang sentiasa segar menusuk hati nuraninya. (hlm.8)</p> <p>Namun, sedetik itu, dia terhuyung- hayang, macam dirempuh puting beliung. (hlm.13)</p> <p>Felicia tersentak sedikit, terasa seperti disengat kala jengking. (hlm.79)</p> <p>Kecut tali perutnya. (hlm.69)</p> <p>Diserbu oleh lidah api (hlm.147)</p> <p>Jauh di lubuk hatinya (hlm.134)</p> <p>Tubir puncak kejayaan (hlm.143)</p> |
| 4. | Makna Afektif | <p>“Si Raiha itulah, siapa lagi”? jerkah Doktor Sadiz. (hlm.89)</p> <p>“Berapa kali aku harus beritahu kau, hah? Anak dalam kandunganmu itu hanya akan menyusahkan kita nanti!”herdik Doktor Sadiz kepada Raiha, sambil menegangkan tulang rahangnya. (hlm.57) “Apalagi abang mahu daripadaku? Kenapa abang?” (hlm.56)</p> <p>Tidak sesuai sama sekali! Tidak berfaedah kepada hidupmu, dalam jangka masa panjang”, tegas bapanya yang juga seorang pakar bedah, sejak Raiha mula- mula menyatakan hasratnya untuk mengikuti pengajian perubatan di sebuah isntitusi pengajian tinggi dahulu. (hlm.7)</p> <p>“Puan, cuba bawa bertenang,”ujar Doktor Uwang kali ini, selembut mungkin. (hlm.141)</p> <p>“Maafkan saya, Doktor Raiha. Maafkan saya, doktor. Saya takut untuk menyatakan kebenaran ini!”raung Felicia Landosi, tersekat-sekat dibelenggu emosi. (hlm.158)</p> <p>“Bukalah semula pintu duniamu sister,”ujar Raiha. (hlm.158)</p> <p>“Apa maksudmu?” tanya Raiha, tersentak. (hlm.157)</p> <p>“Sampai mati pun, kau tak akan kulepaskan Raiha. Sampai mati pun, kau tak akan kuceraikan. Biar hidupmu merana nanti, tergantung tak bertali. Biar padan mukamu!” (hlm.146)</p> |
| 5. | Makna Peribahasa | <p>Anak kandung (hlm.28)</p> <p>Harga diri (hlm.106)</p> <p>Mata duitan (hlm.142)</p> <p>Tubir puncak kejayaan (hlm.143)</p> <p>Tanpa sebarang perencanaan dan tanpa kerelaan Raiha, terlucutlah sel daripada genetik “istimewa” milik Doktor Sadiz ke dalam badan Raiha. Sel “istimewa” itu langsung berenang menemui dan bersenyawa dengan ovum yang sihat lagi subur dalam Rahim Raiha. (hlm.56)</p> |
| 6. | Kesantunan dalam berbahasa | <p>“Ya Allah, berikanlah hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah,”rintih Raiha dalam hatinya. (hlm.158)</p> <p>“Astaghfirullah. Doktor Sadiz kemalangan! (hlm.147)</p> <p>“Ya Rabbi! Enam kali!” Raiha menggerutu dalam hati. (hlm.9)</p> <p>“Bolehkah saya bantu Pak Usu?” soal Uwang, turut berasa marah dengan tindakan Raiha itu. (hlm.89)</p> <p>“Kalau memang sudah begitu keadaan</p> |

| | | |
|----|-------------------------------|--|
| | | anak Puan, apa lagi yang harus saya lakukan?’’tanya Uwang. (hlm.140) |
| 7. | Perkaitan perkataan dan makna | <p>Bayangan wajah dan tubuhnya yang mengenakan kemeja T-putih dengan gambar helaian wang ringgit di dalam genggaman tangan dan bercelana jeans biru yang terpantul pada permukaan kaca <i>sliding door</i> itu yang membuatkan nafasnya tersentak tiba-tiba. (hlm.26)</p> <p>Bahan ini akan digunakan untuk menjalankan beberapa ujian dalam bidang perubatan seperti imbasan CT, ultrasonografi, mamografi dan juga angiografi, hemodialisis dan sebagainya yang terdapat di PRPK itu. (hlm.30)</p> <p>Dengan pandangan mata yang agak kabur, digerakkan bola matanya ke arah TV LED yang dihubungkan dengan parabola, telefon dail terus di atas meja di sisi katil, almari pakaian yang diperbuat daripada kayu nyatuh dan meja tulis di penjuru wad. (hlm.38)</p> <p>Dengan kerutan di dahinya yang kian nyata oleh ketegangan dalaman yang dialami, dengan garisan mata bundarnya yang sudah meruncing bahkan tidak berupaya lagi menyamarkan pancaran kerusuhannya yang membuak- buak, bibir pucatnya tertarik-tarik kaku, cuba untuk memalitkan senyuman mesra buat pesakit elit itu. (hlm.39)</p> <p>Demikianlah, dengan pelbagai pengalaman yang baharu, dengan kerjaya yang sangat mencabar dan memerlukan pengorbanan yang bukan hanya sedikit, dia terus mempelajari ilmu Ortopedik dan Perawatan Ortopedik, Pediatrik dan Perawatan Pediatrik, Farmakologi, Perawatan Penyakit Berjangkit dan ilmu yang berkaitan dengan bidang kejururawatan. (hlm.42)</p> |

Berdasarkan Jadual 3 yang menunjukkan antara contoh penggunaan prinsip semantik yang digunakan dalam Novel Pantai Kasih, misalnya yang utama, iaitu analisis prinsip kajian semantik yang diketengahkan oleh pengarang ialah makna detotatif. Menurut Kamus Dewan (2005:800), makna denotasi dapat didefinisikan sebagai makna yang eksplisit (dinyatakan dalam tepat atau jelas) sesuatu perkataan lawan kepada konotasi. Secara mudahnya, denotasi ini sebenarnya makna kamus atau makna leksikal serta makna ini boleh diperolehi melalui pelbagai sumber atau bahan berilmiah seperti rencana, berita, kertas projek dan sebagainya.

Hal ini turut disokong oleh Leech (1974:150) berpendapat bahawa makna denotasi adalah makna yang merupakan konsep asas yang memainkan peranan penting dalam membolehkan manusia memahami sesuatu yang perkara. Dalam erti kata yang lebih jelas, makna denotatif ini merupakan makna sebenar atau makna asal atau juga dikenali sebagai makna tersurat bagi sesuatu frasa atau perkataan. (Nawi Ismail, 2016:103) Jika dilihat dengan frasa mata duitan di mana dari aspek denotasi merujuk kepada salah satu organ manusia manakala duitan pula yang membawa kata dasar duit merujuk kepada alat pertukaran yang mempunyai nilai. Kendatipun begitu, jika dilihat makna konotasi bagi frasa mata duitan pula membawa definisi sebagai individu yang sentiasa mementingkan wang melebihi perkara lain dalam kehidupannya. Dalam aspek ini, pengarang cuba menyampaikan kefahaman kepada pembaca menerusi juga makna konotasi yang menggambarkan bahawa seorang pelawat mengadu kepada Dr. Uwang bahawa dia tersalah mengadu masalah yang dialaminya kepada seorang doktor yang bermata duitan atau lebih tepat lagi iaitu doktor yang mementingkan keuntungan semata-mata daripada aspek kemanusiaan. Melalui makna konotasi dan denotasi ini, dapat dilihat bahawa pengarang cuba menyampaikan mesej dalam pelbagai makna mengikut situasi yang berbeza.

Prinsip kajian semantik yang dapat dilihat seterusnya ialah makna dalam karya kreatif. Kajian ini berpendapat bahawa perbendaharaan kata amat signifikan di mana kosa kata tersebut pastinya mewakili holistik kata dalam sesuatu bahasa yang diucapkan atau digunakan. Hal tersebut pastinya dapat meningkatkan kosa kata dalam kamus mental seseorang individu dan sewajarnya membantu seseorang individu itu dapat berkomunikasi dengan lancar tanpa sebarang masalah. Misalnya, pengarang cuba memperlihatkan gaya bahasa kreatif menerusi bait-bait kata dalam novel tersebut iaitu Tidak ada pohon yang tumbuh dan besar dalam satu hari. "Tidak ada juga pohon besar teguh yang roboh dalam satu hari," pesan Datu Ontong kepada Uwang suatu ketika dahulu.

Jika dilihat makna dalam ayat tersebut, apa yang disampaikan bukanlah mengenai pohon yang teguh namun pernyataan tersebut ibarat analogi kejayaan tidak akan datang dalam masa yang singkat bahkan pencapaian yang memberangsangkan lagi teguh dikatakan tidak akan mudah runtuh dengan sedikit cabaran. Menerusi novel tersebut, kata-kata tersebut merupakan pemangkin semangat oleh Datu Ontong yang merupakan bapa saudara kepada Dr. Uwang, yang mengatakan bahawa sentiasa menjaga reputasi Pusat Rawatan Pantai Kasih agar imej pusat rawatan tersebut kekal gah kerana membangunkannya memerlukan seribu daya usaha dan tenaga. Hal ini jugabermaksud hanya kerana disebabkan cabaran kecil, terus mengorak langkah untuk berputus asa mengembangkannya. Jika dilihat menerusi pernyataan tersebut, pengarang amat kreatif dalam menyelitkan makna yang terserlah lagi mendalam makna demi menarik minat pembaca sekaligus memberi impak yang begitu menyentuh kepada pembaca.

Bagi aspek makna dalam karya kreatif ini juga melibatkan juga genre penceritaan yang sering menggunakan gaya bahasa naratif bagi menyampaikan maklumat penceritaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa gaya bahasa naratif yang diketengahkan oleh pengarang misalnya:

Beberapa ketika kemudian, dari pintu hadapan, masuk pula seorang wanita yang *rugged* berblaus hitam dan memakai seluar hitam. Wanita yang tinggi semampai dengan rambut ikal panjang separas bahu yang dibiarkan tergerai itu, menuju ke arah wanita muda yang memandang Dr. Uwang dengan penuh takjub itu.
(Novel Pantai Kasih, hlm: 27)

Jika dilihat contoh tersebut, jelas menunjukkan pengarang amat kreatif dan begitu teliti dalam menyelitkan gaya penceritaan tersebut. Kajian ini berpendapat bahawa, elemen penceritaan atau naratif ini sangat signifikan kepada pembaca terutamanya yang tertarik untuk membaca kerana gambaran yang diberikan sangat menarik dan bersifat sangat realistik. Hal ini jelas dapat dilihat apabila pengarang turut menyelitkan elemen naratif ketika babak antara ibu Unong Siron dan anaknya seperti contoh berikut:

Selang beberapa lama selepas perbualan itu, di atas lantai yang beralaskan tikar mengkuang usang, kelihatan ibu tua kepada Unong Siron telah mengerekot tubuhnya, tertidur dalam keseimbangan yang amat sangat. Terlenu dengan linangan air mata yang masih jelas berkilauan di pipinya yang berkedut macam limau kecut itu.
(Novel Pantai Kasih, hlm: 122)

Berdasarkan contoh tersebut, jika dibaca dan dihayati setiap baitnya, kajian ini berpendapat bahawa contoh tersebut menggambarkan betapa sadisnya keadaan ibu Unong Siron yang setia menemani anaknya yang sebanyak enam kali menjalani pembedahan sendi tulang pinggul meskipun masih tidak membuahkan hasil namun itu tidak menghalang ibunya untuk setia bersama anaknya. Pengarang amat kritis dalam menggambarkan situasi yang dialami dengan penceritaan mengenai air mata yang tumpah dari pipi seorang ibu tua yang menggambarkan betapa tua figura ibu Unong Siron tersebut yang tidur hanya beralaskan tikar mengkuang yang usang. Pembaca pastinya mendapat gambaran yang begitu jelas lagi realistik dengan setiap penceritaan yang ditunjukkan oleh pengarang.

Dalam pada itu, menerusi makna kreatif dalam karya juga melibatkan pembentukan struktur ayat, iaitu penggunaan gaya bahasa elipsis dan inversi. Gaya bahasa elipsis merujuk kepada pengguguran sebahagian ujaran atau struktur bahasa tetapi masih boleh difahami berdasarkan sesuatu konteks. Tamsilannya, "Berehatlah.". Jika dilihat contoh tersebut, ayat tersebut mengalami elipsis di

mana mengalami pengguguran subjek atau ayat sebenarnya akan menjadi ‘‘Datin, berehatlah’’. Bagi konsep ini, pengarang cuba menyampaikan mesej yang melibatkan pengguguran konstituen subjek dan ayat tidak lengkap, namun maknanya masih dapat difahami oleh pembaca. Bagi gaya bahasa inversi pula merujuk kepada gaya bahasa pertentangan yang memfokuskan pembalikan kata-kata atau frasa yang berbeza daripada susunan lazimnya. Gaya bahasa ini terdapat dalam karya kreatif untuk memberikan penegasan kepada ayat, sama ada subjek atau predikat.

Sebagai contoh, Doktor Sadiz tidak disenangi oleh bapanya meskipun bergelar seorang Pakar Perunding Pembedahan. Ayat tersebut telah mengalami inversi di mana Doktor Sadiz tidak disenangi bapanya disongsangkan untuk menunjukkan penegasan bagi predikat iaitu Doktor Sadiz tidak disenangi bapanya. Dalam erti kata yang mudah, apabila pembaca membaca ayat tersebut, mereka akan memahami apa yang ingin ditegaskan dalamnya ialah Dr. Sadiz yang tidak disukai oleh bapanya walaupun dirinya bergelar seorang Pakar Perunding Pembedahan. Jelas menunjukkan penegasan dalam klausa Dr. Sadiz tidak disenangi oleh bapanya dan pembaca boleh memahaminya dengan jelas dan mudah sekali.

Di samping itu, prinsip kajian semantik yang juga kerap diketengahkan oleh pengarang ialah bahasa figuratif. Misalnya, dapat dilihat pengarang amat kreatif dalam menyelitkan pelbagai kosa kata yang menampakkan bahasa figuratif sekaligus menampakkan lagi keindahan stilistik dalam novel ini. Sebagai bukti yang menyokong perspektif tersebut iaitu kesangsian dan kegusaran saling bertumpang tindih di ubun-ubunnya. Jika dilihat, pengarang jelas menggunakan unsur personafikasi bagi menimbulkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Ayat tersebut bermaksud kesangsian dan kegusaran yang dialaminya menyesakkan pemikirannya namun olahan pengarang menyelitkan unsur personafikasi di mana pengarang cuba melambangkan sifat manusia iaitu rasa sangsi dan gusar kepada benda-benda yang tidak bernyawa yang merujuk kepada ubun-ubun itu.

Selain itu, aspek metafora juga dapat dilihat misalnya pengarang bijak dalam menyelitkan kosa kata yang bersesuaian bagi menonjolkan bahasa figuratif tersebut seperti diserbu oleh lidah api yang sebenarnya pengarang cuba menyelitkan perbandingan secara terus atau langsung tanpa menggunakan kata bandingan. Pengarang sering menggunakan metafora kerana metafora ini dilihat mampu memberi impak emosional kepada pembaca di mana jika dilihat contoh demikian, pembaca dapat membayangkan secara realistik apabila Dr. Sadiz yang kejam itu terhimpit dalam kereta baharunya, tergamam dan terkapai - kapai apabila dia diserbu oleh lidah api yang berwarna merah, ungu, kuning, putih dan kebiru-biruan itu. Peristiwa tersebut jelas menunjukkan kepada pembaca supaya dapat membayangkan betapa besar dan marak keadaan api yang membakar Dr. Sadiz itu. Pemerian bahasa figuratif tersebut jelas menunjukkan penggunaan metafora menimbulkan kesan yang begitu ketara terhadap perasaan pembaca iaitu kepuasan yang dialami oleh pembaca khususnya. Di samping penggunaan perbandingan secara terus, pengarang juga menyelitkan perbandingan yang bersifat perbandingan dengan sesuatu yang lain, iaitu simile. Sebagai contoh, penggunaan simile yang dapat dilihat ialah Ingatan tentang peristiwa itu, bagaikan sejenis pohon berduri yang sentiasa segar menusuk hati nuraninya. Berdasarkan contoh itu, jelas menunjukkan pengarang cuba membuat perbandingan bahawa Raiha digambarkan sangat sengsara dan pedih sekali apabila dia teringatkan peristiwa tragis yang mengakibatkan kematian anak kesayangannya. Oleh hal yang demikian, pengarang membuat perbandingan bahawa mengingat peristiwa malang itu ibarat pohon berduri yang menusuk hati atau dalam erti kata yang jelas, betapa sakit dan pedih sekali perasaan yang dirasai oleh Raiha setiap kali ingatannya mengimbuai perkara tersebut.

Tambahan lagi, dalam prinsip kajian semantik ini juga, dapat dilihat bahawa wujudnya makna afektif yang turut diketengahkan oleh pengarang. Menurut Kamus Linguistik (1997: 24), makna afektif dapat dikategorikan dengan perasaan dan emosi, bukannya fikiran atau daya berfikir. Oleh hal yang demikian, berdasarkan ucapan yang disampaikan berdasarkan nada, intonasi dan tekanan yang memungkinkan kita membuat interpretasi tentang apa-apa yang diucapkan dan negatif. Contohnya, perasaan positif adalah baik, jujur, bertanggungjawab dan lain-lain. Nilai negatif pula seperti pembelot, pengganas, jijik, kedekut, sombong dan sebagainya. Makna ini pula disampaikan melalui saluran makna konotatif atau makna konseptual sesuatu perkataan.

Sebagai contoh yang lebih jelas, menerusi novel Pantai Kasih karya Azmah Nordin, terdapat beberapa contoh penggunaan makna afektif yang melibatkan perasaan dan emosi iaitu ‘‘**Si Raiha itulah, siapa lagi?? jerkah Doktor Sadiz.** Dalam konteks ayat tersebut, jelas sekali nadanya tinggi dan menunjukkan emosi dalam keadaan marah sekali. Kata-kata tersebut boleh memberi kesan kepada

jiwa seseorang yang ditujukan dan orang yang mendengarnya. Ayat tersebut menggambarkan Dr. Sadiz yang begitu marah sekali terhadap Raiha yang membawa kereta Porsche miliknya untuk melarikan diri. Jika dilihat contoh lain pula, **“Sampai mati pun, kau tak akan kulepaskan Raiha. Sampai mati pun, kau tak akan kuceraikan. Biar hidupmu merana nanti, tergantung tak bertali. Biar padan mukamu!”** Konteks ayat tersebut jelas menunjukkan nada yang begitu dan berbaur unsur ugutan dan negatif.

Pengarang cuba menyelitikan makna afektif dalam situasi tersebut bagi menggambarkan betapa psiko dan teruk sekali kelakuan Dr. Sadiz terhadap isterinya, Raiha sekaligus sememangnya ingin membuktikan bahawa Dr. Sadiz digambarkan seorang suami yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Selain menggunakan nada tinggi dan berbaur negatif, pengarang juga menyeimbangkan dengan menyelitikan nada menyayat hati misalnya **“Maafkan saya, Doktor Raiha. Maafkan saya, doktor. Saya takut untuk menyatakan kebenaran ini!”** raung Felicia Landosi, **tersekat-sekat dibelenggu emosi.** Konteks ayat tersebut jelas menunjukkan nada yang menyayat hati yang ditonjolkan oleh Felicia ketika memohon kemaafan terhadap Raiha kerana dirinya juga bersubhat dengan Dr. Sadiz dalam peristiwa tragis yang menimpa anak Raiha.

Gambaran menangis teresak-esak sehingga Felicia tidak sanggup lagi untuk meneruskan kehidupan sekiranya dia tidak memperoleh kemaafan daripada Raiha, betapa dia sangat menyesali perbuatannya itu jelas menunjukkan nada yang begitu kepada siapa diucapkan. Dalam pada itu, perasaan yang muncul itu mungkin bernilai positif atau mungkin sedih dan meruntun hati ditambah pula kerap kali mengalami trauma akibat perbuatannya itu. Contoh lain juga ialah **“Bukalah semula pintu duniamu sister,”** ujar Raiha di mana makna afektif yang ditunjukkan ialah menggunakan nada rendah dan berbaur positif di mana Raiha berlapang dada menerima segala ketentuan hidupnya dengan memaafkan kesalahan Felicia meskipun ianya sulit untuk dilupakan. Jelas menunjukkan bahawa pengarang amat kreatif dalam menyelitikan variasi makna afektif yang mengandungi pelbagai nada dan intonasi demi menonjolkan kepelbagaian emosi untuk menarik minat pembaca. Faktor intonasi merupakan elemen signifikan dalam menyampaikan sesuatu perkara dan dapat dikatakan bahawa nada sesuatu ujaran boleh mengubah perasaan atau penerimaan terhadap orang lain.

Seterusnya ialah prinsip kajian semantik ialah makna peribahasa. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005: 185), makna peribahasa membawa maksud sebagai ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu, bidalan dan pepatah. Menurut Za’ba dalam Seri Lanang Jaya Johari dan Dahlia Janan (2013:48), peribahasa merujuk kepada susunan kata yang pendek dengan makna yang luas, mengandungi kebenaran, indah didengar dan bijak perkataannya. Semua fenomena kehidupan termasuk dalam peribahasa yang memberikan kesan kepada unsur.

Dalam pada itu, menurut Darwis Harahap (1992:174) mengatakan bahawa kiasan merupakan peribahasa yang mengiaskan sesuatu maklumat dengan maklumat yang lain misalnya penggunaan simpulan bahasa dan metafora. Contoh penggunaan yang terdapat dalam novel ini ialah **anak kandung** yang merujuk kepada gambaran bahawa Uwang berasa terkejut melihat kanak-kanak yang memeluk manja isterinya itu sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan anak kandung Raiha yang telah menjadi arwah akibat peristiwa tragis kebakaran itu. Penggunaan simpulan bahasa itu merujuk kepada anak sendiri manakala terdapat juga penggunaan metafora yang digunakan sebagai kiasan yang tidak menampakkan perbandingan misalnya **tubir puncak kejayaan** yang merujuk kiasan yang bermaksud pencapaian yang tertinggi sekali. Dalam erti kata yang lebih jelas pengarang cuba menyampaikan mesej menggunakan kiasan dengan menunjukkan bahawa Dr. Uwang sememangnya dikatakan merupakan seorang individu yang gigih berusaha sehingga membolehkan beliau menyandang jawatan dengan pencapaiannya sebagai pemilik utama Pusat Rawatan Pantai Kasih dan pada masa yang sama beliau juga merupakan pakar pembedahan yang terkemuka.

Salah satu penggunaan kiasan yang turut diketengahkan ialah **Tanpa sebarang perencanaan dan tanpa kerelaan Raiha, terlucutlah sel daripada genetik “istimewa” milik Doktor Sadiz ke dalam badan Raiha. Sel “istimewa” itu langsung berenang menemui dan bersenyawa dengan ovum yang sihat lagi subur dalam Rahim Raiha.** Jika dilihat penggunaan konteks ayat tersebut jelas menunjukkan pengarang cuba menyampaikan mesej yang menggunakan bahasa kiasan di samping menyelitikan teknik pemerian mengenai proses persenyawaan yang berlaku melibatkan sel istimewa milik Dr. Sadiz dan Raiha. Jika difokuskan dengan sudut yang lebih jitu, konteks ayat tersebut bukanlah membawa maksud yang lucah namun sel genetik istimewa yang dimaksudkan merujuk kepada sel

sperma yang sememangnya dalam pengetahuan Sains sememangnya melibatkan sperma dan ovum bagi suatu proses persenyawaan.

Apa yang menariknya di sini, pengarang sebenarnya cuba menggunakan bahasa kiasan yang merujuk kepada sel sperma tersebut dengan menyatakan sel genetik yang istimewa milik Dr. Sadiz, sememangnya istimewa tersebut merujuk suatu yang berharga milik Dr. Sadiz atau juga boleh dikatakan pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa sel genetik Dr. Sadiz adalah bersifat istimewa yang menyumbang kepada kelahiran abnormal anak mereka yang menghadapi penyakit Sindrom Down. Bagi menyokong hujah tersebut, kajian ini berpendapat bahawa konteks ayat tersebut tiada langsung melibatkan penggunaan kata yang memperlihatkan unsur lucu namun ayat itu sebenarnya mengandungi bahasa kiasan sekaligus masih menengahkan gaya stilistik. Hal ini saling bertepatan apabila Pegawai Penyelidik IKIM, Siti Shamsiah (2005) dalam kertas kerja bertajuk 'Memahami Masyarakat Melayu Melalui Bahasa Kiasan: Perspektif Islam' berkata, bahawa penggunaan bahasa kiasan yang dihasilkan oleh nenek moyang orang Melayu sangat indah dan puitis. Jelas di sini dapat dilihat bahawa penggunaan bahasa kiasan hendaklah dinilai sebagai unsur penting dalam kaedah mengungkapkan idea dan pemikiran bangsa yang dapat mencerminkan sistem nilai luhurnya seperti mana yang dilakukan oleh pengarang ini dalam memartabatkannya menerusi karya ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini berpendapat bahawa, penggunaan peribahasa dalam sesebuah karya sewajarnya diketengahkan kerana peribahasa memberikan makna yang tersirat dan mempunyai nilai yang tinggi kepada masyarakat Melayu. Penggunaan peribahasa juga harus diperluaskan lagi supaya ia terus diwarisi oleh generasi akan datang dan kajian ini sangat menyokong usaha pengarang dalam memartabatkannya menerusi novel ini.

Selanjutnya, prinsip kajian semantik juga merangkumi kesantunan dalam berbahasa. Semantik sangat berkait rapat dengan pragmatik. Dalam bidang pragmatik, salah satu elemen yang diketengahkan oleh pengarang ialah kesantunan berbahasa yang melibatkan beberapa jenis misalnya penggunaan ungkapan bertatasusila, penggunaan kata ganti nama diri mengikut konteks dan situasi, gelaran kekeluargaan serta gelaran pergaulan tak bersahaja (formal). Sebagai contoh penggunaan ungkapan bertatasusila yang digunakan oleh pengarang ialah '**Ya Allah, berikanlah hamba- Mu ini kekuatan, berikanlah,**' **rintih Raiha dalam hatinya.** Jika dilihat konteks ayat tersebut, dapat dilihat penggunaan bahasa halus dan sopan secara lisan di mana Raiha yang merintih berdoa kepada Sang Pencipta menggunakan ungkapan **Ya Allah** ketika tekun berdoa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa sekuat manapun kita sebagai hamba dan sesulit manapun ujian hidup yang dilalui, tidak dilupakan kita sebagai khalifah di muka bumi ini masih mempunyai Tuhan yang satu yang setia mengharap hamba-Nya bersujud kepada-Nya memohon petunjuk serta kekuatan.

Selain ungkapan bertatasusila, pengarang juga sering menggunakan penggunaan kata ganti nama diri mengikut konteks dan situasi dan gelaran kekeluargaan seperti "**Bolehkah saya bantu Pak Usu?"** **soal Uwang, turut berasa marah dengan tindakan Raiha itu.** Jika dilihat konteks ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri yang pertama iaitu **saya** digunakan oleh Uwang sebagai membahaskan dirinya apabila berkomunikasi dengan bapa saudaranya dan gelaran kekeluargaan, iaitu panggilan **Pak Usu** juga digunakan sebagai tanda pertalian darah antara Uwang dan Datu Ontong. Penggunaan gelaran pergaulan tak bersahaja juga digunakan misalnya "**Kalau memang sudah begitu keadaan anak Puan, apa lagi yang harus saya lakukan?"** **tanya Uwang.** Konteks ayat tersebut menunjukkan gelaran **Puan** terhadap ibu pesakit tersebut yang digunakan oleh Uwang. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang cuba menunjukkan bahawa gelaran pergaulan tak bersahaja digunakan apabila terdapat sekatan sosial yang tertentu sama ada pangkat atau hubungan yang belum rapat.

Prinsip kajian semantik yang tidak kurang pentingnya ialah perkaitan perkataan dan makna. Perkaitan antara perkataan dan makna yang memfokuskan perbincangan semantik berdasarkan hubungan atau kaitan semantik dengan kata atau perkataan. Perkaitan antara aspek polisemi, hiponim dan hipernim dijadikan sebagai tumpuan utama untuk melihat kaitan semantik dengan perkataan. Namun begitu, dalam novel ini hanya diketengahkan oleh pengarang penggunaan hiponim sahaja. Meskipun begitu, secara ringkasnya, dapat dikatakan bahawa ketiga-tiga aspek ini saling berkaitan antara satu sama lain. Contoh penggunaan hiponim dapat dilihat berikut:

Bayangan wajah dan tubuhnya yang mengenakan **kemeja T-putih** dengan gambar helaian wang ringgit di dalam genggam tangan dan **bercelana jeans biru** yang terpantul pada permukaan kaca *sliding door* itu yang membuat nafas tersentak tiba-tiba.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 26)

Berdasarkan contoh tersebut, dapat dilihat bahawa kemeja T-putih dan jeans biru merupakan hiponim kepada pakaian. Hal ini dikatakan demikian kerana mengikut David Crystals dalam Dictionary of Linguistic & Phonetics (2011: 248) menyatakan bahawa hiponim mempunyai hubungan terhadap leksikal yang dibentuk perkaitan antaranya. Contohnya, anjing dan kucing merupakan hiponim bagi haiwan. Jika dilihat contoh lain pula seperti berikut:

Bahan ini akan digunakan untuk menjalankan beberapa ujian dalam bidang perubatan seperti **imbasan CT, ultrasonografi, mamografi** dan juga **angiografi, elektrokardiogram, hemodialisis** dan sebagainya yang terdapat di PRPK itu.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 30)

Menerusi konteks ayat tersebut, dapat dikatakan bahawa pengarang cuba menjelaskan bahawa **imbasan CT, ultrasonografi, mamografi, angiografi, elektrokardiogram dan hemodialisis** merupakan **hiponim** bagi **bidang perubatan**. Selain itu, contohnya seperti berikut:

Dengan pandangan mata yang agak kabur, digerakkan bola matanya ke arah TV LED yang dihubungkan dengan parabola, telefon dail terus di atas **meja** di sisi **katil, almari pakaian** yang diperbuat daripada kayu nyatuh dan **meja tulis** di penjuru wad.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 38)

Berdasarkan contoh tersebut, jelas menunjukkan bahawa **meja, katil, almari pakaian dan meja tulis** merupakan **hiponim** atau subordinat bagi **perabot** yang merupakan **superordinat**. Menerusi elemen ini, pengarang ingin menunjukkan bahawa terdapat hubungan makna antara satu kata dengan kata – kata yang lain. Secara mudahnya, hubungan ini dikenali sebagai perkaitan makna dari segi leksikal.

ANALISIS PRINSIP PENELITIAN TERHADAP UNSUR BAHASA DRAMATIK

Analisis Prinsip Penelitian kepada Unsur-unsur Bahasa Dramatik pula menurut Webber (1989:75) ini boleh dikategorikan sebagai suatu bahasa yang mempunyai gaya. Webber (1989:76) juga mengatakan bahawa bahasa dramatik amat penting dalam stilistik kerana ia berfungsi untuk menyifatkan pelbagai kesan yang imaginatif terhadap pembaca. Prinsip penelitian terhadap unsur bahasa dramatik bermaksud mempunyai lagak atau gaya yang sesuai untuk drama. Jika dilihat dengan jelas, antara cirinya ialah percakapan penuh atau sempurna yang boleh menimbulkan kesan pada jiwa seperti suka, sedih, marah dan sebagainya).

Jika ditinjau dari aspek lain pula, penerokaan bahasa dari aspek pengaplikasian unsur dramatik sangat memberikan kesan gaya dan keindahan kepada sesebuah karya. Antara unsur bahasa dramatik yang diketengahkan dalam novel ini ialah simile, aforisme (peribahasa dan bidalan) dan unsur personifikasi. Dalam pada itu, dapat dikatakan bahawa gaya stilistik sebenarnya melihat apa unsur yang banyak digunakan, unsur yang sesuai dengan karya dan bagaimana unsur tersebut dicerap dalam karya. Hal ini secara tidak langsung akan menunjukkan bahawa kekuatan dan keindahan sesebuah karya sastera banyak bergantung penerokaan bahasa dari segi penggunaan unsur-unsur dramatik. Oleh hal yang demikian, berikut merupakan Jadual 4 yang menunjukkan contoh penggunaan prinsip unsur bahasa dramatik menerusi Novel Pantai Kasih.

Jadual 4: Contoh Penggunaan Prinsip Unsur Bahasa Dramatik

| Bil. | Prinsip Unsur Bahasa Dramatik | Contoh Penggunaan dalam Novel Pantai Kasih |
|-------------|--------------------------------------|---|
| 1. | Unsur Personafikasi | Waktu semakin sempit dan terasa daya fikirinya seolah-olah cuba berlari dalam air. (hlm.10) |
| 2. | Unsur Simile | Kesepian dan kengerian yang begitu seni lagi tajam itu, bagaikan menukik lebih jauh ke dalam getaran jiwa Raiha. (hlm.2) Bagaikan orang yang baru bangun daripada tidur, matanya terkedip- kedip menyoroti keadaan ruang tamu yang serba eksklusif itu. (hlm.14) Tubuh tegap lagi berotot - otot, sasanya bak pahlawan dalam dongengan silam, wajahnya yang memiliki tulang pipi yang tirus dan kukuh seperti yang pernah diucapkan penuh kagum oleh Emi, isteri jelita kepada Datu Ontong. (hlm.22) Perangai angin seperti mewakili kemarahan para pesakit yang serba kerdil kepada pakar-pakar di PRPK itu yang suka bertindak sewenang-wenangnya. (hlm.136) |
| 3. | Unsur kata-kata hikmat | Tiada pohon yang tumbuh besar lagi subur jika tidak disirami dan dibaja dengan penuh tekun. Tiada pohon yang besar teguh akan roboh dalam masa satu hari kecuali kalau ditebang dengan kapak atau gergaji elektrik. Tidak sampai satu hari, beberapa minit sahaja pun boleh tumbang. (hlm.71) |

Berdasarkan Jadual 4, kajian analisis prinsip penelitian terhadap unsur bahasa dramatik menunjukkan terdapat beberapa aspek yang diketengahkan oleh pengarang. Antaranya ialah prinsip unsur bahasa dramatik yang utama ialah melibatkan penggunaan unsur personafikasi. Menurut Sperber dan Wilson (1986: 15) berpendapat bahawa kesan penggunaan unsur personafikasi dapat menghuraikan makna siratan personifikasi tersebut. Melalui penganalisan makna siratan personifikasi, maka kewujudan personifikasi dalam karya yang dikaji dapat memberi kesan yang berimpak positif kepada penulisan pengarang.

Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penggunaan personifikasi tersebut pengarang berjaya membawa pembaca untuk sama-sama merasai emosi, kepincangan atau situasi yang wujud atau yang tercetus dalam novel tersebut. Misalnya, jelas dapat dilihat melalui kajian ini, iaitu contoh penggunaan personafikasi dalam novel ini ialah Waktu semakin sempit dan terasa daya fikirinya seolah-olah cuba berlari dalam air. Jika dilihat konteks ayat tersebut, pengarang menyelitkan unsur personafikasi di mana memberikan sifat manusia kepada pemikirannya yang dikatakan cuba berlari dalam air, sedangkan berlari merupakan perbuatan atau kata kerja yang dilakukan oleh benda hidup atau spesifiknya ialah manusia. Konteks ayat tersebut terlihat menarik dengan adanya unsur personafikasi tersebut kerana pengarang menarik minat pembaca dengan menjadikannya menarik untuk dibaca. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan daya imaginasi yang tinggi dalam kalangan pembaca khususnya. Pengarang amat kreatif menggunakan klausa daya fikirinya seolah-olah cuba berlari dalam air yang menunjukkan bahawa Raiha terlalu penat sehingga merasakan pemikirannya terlalu penat untuk berfikir lagi sehingga menunjukkan tanda putus asa sehinggakan berkeputusan untuk mengambil jalan singkat dengan terjun ke dalam air.

Oleh hal yang demikian, perkara inilah yang membuktikan bahawa penggunaan personifikasi tersebut, pengarang berjaya membawa pembaca untuk sama-sama merasai emosi, kepincangan atau situasi yang wujud atau yang tercetus dalam novel tersebut. Selain unsur personafikasi, prinsip unsur bahasa dramatik juga merangkumi penggunaan simile misalnya ialah Kesepian dan kengerian yang begitu seni lagi tajam itu, bagaikan menukik lebih jauh ke dalam getaran jiwa Raiha. Jika dilihat konteks

ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa penggunaan kata perbandingan bagai untuk menunjukkan perbandingan dengan sesuatu yang lain. Dalam erti kata yang mudah, pengarang cuba menyampaikan mesej dengan menyatakan perbandingan bahawa kesepian dan kengerian yang dialami oleh Raiha sangat halus bahkan mencucuk-cucuk sehinggakan ia merasakan perasaan tersebut cuba menguasai jiwanya lebih dalam lagi. Hal ini mendorong pengarang untuk menyelitkan kata perbandingan bagaikan untuk menunjukkan ianya perbandingan secara tidak langsung berlaku.

Seterusnya, contoh lain yang dapat dilihat ialah perangai angin seperti mewakili kemarahan para pesakit yang serba kerdil kepada pakar-pakar di PRPK itu yang suka bertindak sewenang-wenangnya. Jika dilihat konteks ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa berlakunya perbandingan, iaitu menggunakan kata bandingan *seperti*. Pengarang ingin menunjukkan bahawa keadaan angin yang berpusar-pusar kencang merempuh dan merosakkan flora fauna dan segala keindahan di PRPK manakala dibandingkan dengan kemarahan para pesakit yang sememangnya mereka hanya golongan biasa bukanlah elit diperlakukan sesuka hati oleh pakar PRPK.

Jadi, kajian ini berpendapat bahawa melalui contoh tersebut dapat dilihat perbandingan simile yang dikaitkan sangat berkait apabila pengarang menggambarkan keadaan angin yang berpusar kencang dan reaksi pesakit PRPK apabila mereka diperlakukan sesuka hati sahaja. Hal ini menunjukkan berlakunya perkaitan antara perlakuan angin tersebut dengan kemarahan pesakit PRPK yang selari dan kerana itu pengarang menggunakan kata bandingan seperti untuk menampakkan hubung kait perbandingan kedua-duanya. Pada masa yang sama, menerusi kajian oleh Nazri bin Atoh & (2016) yang menyatakan pendapat dari (Md. Sidin & Mohd. Saleeh, 1998:150–151) di mana gaya bahasa simile ini turut digunakan untuk mengembangkan idea, mengungkapkan perasaan, menghiburkan perasaan dan mencetuskan kesedaran. Hal ini jelas dilihat menerusi Azmah Nordin dalam mengungkapkan simile dalam makna afektif yang memaparkan pelbagai perasaan.

Tambahan lagi, contoh penggunaan simile yang dapat dilihat ialah tubuh tegap lagi berotot-otot sasanya bak pahlawan dalam dongeng silam di mana jelas menunjukkan pengarang amat kreatif dalam menggambarkan figura tubuh Dr. Uwang yang digambarkan mempunyai tubuh tegap bahkan berotot-otot sasa. Hal ini juga membolehkan pengarang cuba menangkap pemikiran pembaca dengan menyatakan perbandingan ibarat figura pahlawan yang terdapat dalam drama atau filem dongeng yang kebiasaannya digambarkan seorang yang bertubuh sasa dan gagah perkasa orangnya. Berdasarkan teknik pemerian itulah yang cuba disampaikan oleh pengarang supaya pembaca mendapat bayang yang realistik mengenai apa yang diperihalkan mengenai figura Dr. Uwang menerusi novel ini. Begitu juga unsur kata- kata hikmat juga diketengahkan menerusi aspek bahasa dramatik misalnya seperti berikut:

Tiada pohon yang tumbuh besar lagi subur jika tidak disirami dan dibaja dengan penuh tekun. Tiada pohon yang besar teguh akan roboh dalam masa satu hari kecuali kalau ditebang dengan kapak atau gergaji elektrik. Tidak sampai satu hari, beberapa minit sahaja pun boleh tumbang.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 71)

Jika dilihat konteks ayat tersebut, pengarang amat kreatif dalam menyelitkan kata-kata hikmat yang sangat berpuitis namun membawa seribu makna untuk difahami. Pada masa yang sama, dengan adanya penggunaan kata-kata hikmat ini dilihat sedikit sebanyak dapat menggambarkan kebijaksanaan dan keintelektualan pengarang dalam mengungkapkan bahasa. Hal ini dapat dilihat misalnya dengan madah pujangannya yang mempamerkan kelincahan dan kritis dalam menyatakan analogi mengenai sebuah kejayaan yang dicapai perlulah selari dengan usaha yang jitu. Pada masa yang sama, hal itu turut menunjukkan jika memang sudah stabil suatu pencapaian itu, tidak akan mudah goyah hanya disebabkan oleh liku-liku kecil melainkan ianya dipunahkan oleh keyakinan yang pudar dalam diri. Dalam erti kata yang lebih jelas lagi, pengarang cuba menyatakan analogi mengenai pencapaian yang dicapai oleh Dr. Uwang manakala kata-kata hikmat berupa pesanan itu merupakan pemangkin semangat oleh bapa saudaranya, Datu Ontong. Jelaslah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa dramatik ini sebenarnya juga menggambarkan diri penulis dalam berbicara atau menggunakan bahasa dalam setiap perlakuannya.

PRINSIP GAYA INDIVIDUALISME

Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989: 72) seterusnya ialah Prinsip Gaya Individualisme yang memfokuskan gaya individualisme yang bermaksud identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis itu, Menurut Webber juga (1989: 72), stilistik ini mementingkan keindahan bahasa maka identiti yang ditonjolkan oleh seseorang penulis sangat menggambarkan seseorang penulis itu. Melalui cara itu, karya penulisannya akan mudah dikenal pasti oleh pembaca-pembaca terhadap karya yang dihasilkan. Prinsip gaya individualisme ini membawa maksud sebagai gaya penulisan peribadi yang ditonjolkan oleh seseorang penulis. Jika dilihat dengan teliti, setiap penulis pastinya memiliki cara tersendiri dalam menyampaikan karya mereka dengan berkesan. Hal ini turut disokong oleh perspektif Umar Junus (1989: 21) yang berpendapat bahawa, individualisme ini sering dikaitkan dengan gaya sebagai memerangkap ciri peribadi yang dilihat melalui pemakaian bahasa seseorang.

Tambahan lagi, menurut Umar Junus (1989: 22) juga menyatakan bahawa gaya individualisme turut mudah dapat dikenal pasti dengan menunjukkan satu karya penulis itu dan pembaca tegar biasanya akan berkata bahawa ini adalah gaya penulis itu sendiri, yang mungkin juga diertikan tidak dipunyai oleh penulis lain. Jadual 5 memperlihatkan contoh-contoh daripada novel yang menerapkan prinsip gaya individualisme. Secara ringkasnya, prinsip ini lebih merujuk kepada gaya peribadi seseorang penulis melalui cara penyampaian dan penulisan karyanya.

Jadual 5: Contoh Penggunaan Gaya Individualisme Dalam Novel Pantai Kasih

| Bil. | Prinsip Gaya Individualisme | Contoh Penggunaan dalam Novel Pantai Kasih |
|------|---|---|
| | Pengulangan kata "yang pasti" sebagai penegasan ayat. | Sesuatu yang belum pasti. (hlm.2) Yang pasti, sejak saat diarahkan menangani operasi ke atas Unong Siron itu tadi lagi, dia diselubungi oleh semacam rasa ngeri dan takut yang amat sangat. (hlm.6) Hal itu yang pasti. (hlm.6) Yang pasti, tiada seorang pun daripada mereka yang berjalan berhampiran dengannya. (hlm.15) Yang pasti, sesiapa sahaja yang datang untuk mendapatkan rawatan di pusat rawatan itu, seperti Unong Siron yang kedatangannya tetap diterima asal sahaja mampu membiayai kos perubatannya, bagi mengelakkan hal ini menjadi buah mulut orang ramai dan mungkin pada akhirnya akan sampai juga ke pendengaran sensitif bapanya itu kelak. (hlm.23) Yang pasti, keterasingan dan kesepian ialah musuh yang mengekori dalam diam bagi seorang wanita <i>single</i> yang mempunyai kerjaya sepertinya. (hlm.32) Yang pasti, kalau bukan suara itu mirip suara mesik isteri, tidak mungkin saya tergopoh-gapah datang tadi. (hlm.80) Yang pasti, hanya dengan cara seperti ini sahaja, aku dapat bertindak sebagai pengabdikan kemanusiaan yang jujur |
| | Pengulangan kata-kata bahasa Arab | "Ya Allah, berikanlah hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah;" rintih Raiha dalam hatinya. Berikanlah kepadaku kekuatan, agar aku mampu membuka kembali pintu dunia yang telah tertutup dahulu. (hlm.158) "Ya Rabbi! Enam kali!" Raiha menggerutu dalam hati. (hlm.9) "Astaghfirullah,"ucap mereka, seolah-olah sebulat suara mempertanggungjawabkan segalanya ke atas kepala Raiha. (hlm.48) "Ya Rabb, ya Tuhanku,"rintih hati Raiha. (hlm.56) |
| | Mengetengahkan Teori Feminisme | Raiha mempertahankan haknya dengan tetap meneruskan kerjayanya dalam bidang kedokteran walaupun dibantah oleh bapanya. (hlm.154) Raiha sabar melayani berbagai-bagai karenah pesakit di Pusat Rawatan Pantai Kasih, bersabar melayani karenah manja Rahayu yang menghadapi penyakit Sindrom Down dan bersabar dengan |

| | | |
|--|--|--|
| | | <p>keengganan suaminya menerima kehadiran Rahayu sebagai permata dalam keluarga mereka. (hlm.57) Raiha berani mendakwa suaminya di mahkamah keluarga dengan menyatakan secara tegas bahawa suaminya yang telah menyebabkan kematian anak tunggal mereka walaupun tindakan itu mendapat tentangan daripada keluarganya. (hlm. 146) Raiha tabah menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk melupakan kenangan pahit yang mengorbankan anak tunggal kesayangannya dan peristiwa hitam yang membawa kehancuran rumah tangganya bersama-sama Dr. Sadiz.(hlm.8)</p> |
| | <p>Menerapkan jalinan imbas kembali aliran bawah sedar</p> | <p>“Aku masih siuman! Aku masih lagi siuman! Masih lagi siumankah aku?” desis hati Raiha, diselubungi kerusuhan yang mendalam. (hlm.58) Sejurus itu, Felicia menghela nafasnya yang terasa kian menyendatkan dadanya. Serta-merta pula hatinya bagaikan disayat sembilu. Dia bagaikan dipaksa oleh perasaannya agar segera mengunjungi ruang farmasi pusat rawatan itu sekali lagi. (hlm.81) Pandangan mata fikir dan khayalan liarnya yang bergabung, tersesat dalam kekaburan yang amat jauh ke belakang itu amat menakutkan Raiha. Antara sedar dengan tidak, Raiha berusaha melemparkan apa- apa juga bayangan yang telah dilihat oleh mata fikirnya itu. (hlm.55)</p> |

Berdasarkan Jadual 5, analisis yang dilakukan terhadap prinsip gaya individualisme menerusi Novel Pantai Kasih, dapat dilihat bahawa terdapat beberapa identiti atau gaya yang sering diaplikasikan oleh pengarang menerusi penulisan karyanya. Sebagai contoh, gaya individualisme yang utama, iaitu melibatkan pengulangan kata “yang pasti” di mana berdasarkan analisis dan kajian yang dilakukan, pengarang kerap kali menggunakan dengan menyelitkan “yang pasti” secara berulang kali bagi menunjukkan penegasan ayat yang dinyatakan. Misalnya, Yang pasti, sejak saat diarahkan menangani operasi ke atas Unong Siron itu tadi lagi, dia diselubungi oleh semacam rasa ngeri dan takut yang amat sangat. Jika dilihat konteks ayat tersebut, pengarang jelas menunjukkan penegasan dalam ayat tersebut menyatakan bahawa Uwang berasa sangat gerun dan dihantui setelah menjalankan operasi terhadap Unong Siron yang merupakan pesakit sendi tulang pinggul tersebut, di mana pengarang cuba menyakinkan pembaca bahawa sememangnya Uwang berasa sedemikian untuk menunjukkan penegasan. Hal ini dikatakan demikian kerana kenyataan tersebut memang tidak dapat disangkal dan kerana itu pengarang sering menggunakan pengulangan kata “yang pasti” bagi menunjukkan kejelasan maklumat yang dinyatakan.

Begitu juga dengan contoh lain iaitu Yang pasti, hanya dengan cara seperti ini sahaja, aku dapat bertindak sebagai pengabdikan kemanusiaan yang jujur menjalani kehidupan. Jelas dapat dilihat menerusi konteks ayat tersebut, pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa Raiha berdoa memohon kekuatan dengan mengadu kepada Sang Pencipta kerana dengan hanya cara itu sahaja Raiha mampu untuk menjalani kehidupan yang akan datang dengan tenang tanpa sebarang dendam. Pada masa yang sama, pengarang bijak menggunakan pengulangan kata “yang pasti” sebagai penegasan di samping berfungsi sebagai wadah kepada pengarang untuk mencuba mengajak pembaca untuk bersama-sama menyakinkan bahawa hanya dengan cara berserah dan berdoa kepada Sang Pencipta sahaja dapat menyedarkan nilai kehambaan dalam diri kita sebagai hamba kepada-Nya. Oleh hal yang demikian, penggunaan unsur perulangan ini ternyata menunjukkan gaya penulisan pengarang yang tersendiri selain daripada memperlihatkan penegasan dan peringatan pengarang kepada pembaca tentang nasihat atau penyampaian mesej yang ingin diketengahkan buat renungan pembaca.

Seterusnya, gaya individualisme Azmah Nordin yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini khususnya menerusi karya ini ialah penggunaan kata pinjaman serapan Arab. Kajian ini berpendapat bahawa pengarang dikatakan bebas menggunakan bahasa Melayu namun persoalannya sebab yang membuatkan pengarang masih memilih untuk menggunakan kata pinjaman serapan Arab misalnya Ya Rabb walhal novel yang diketengahkan bukanlah berunsur keagamaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa inilah salah satu gaya individualisme Azmah Nordin. Hal ini menunjukkan bahawa penulisannya sentiasa menghasilkan variasi bagi menimbulkan laras bahasa yang pelbagai bagi

menimbulkan impak yang menarik terhadap penghasilan karya tersebut. Dalam pada itu, menerusi pinjaman kata serapan Arab misalnya contoh berikut:

'Ya Allah, berikanlah hamba-Mu ini kekuatan, berikanlah;' rintih Raiha dalam hatinya. Berikanlah kepadaku kekuatan, agar aku mampu membuka kembali pintu dunia yang telah kututup dahulu.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 158)

'Astaghfirullah...' ucap mereka, seolah-olah sebulat suara mempertanggungjawabkan segalanya ke atas kepala Raiha.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 48)

Berdasarkan contoh konteks ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa sekuat mana pun kita sebagai hamba namun hanya kepada Ilahi juga kita berserah segalanya. Menerusi contoh tersebut, gaya pengarang ialah menggunakan ungkapan bertatasusila walau di mana sahaja dalam apa jua situasi yang dialami. Hal ini ternyata menggambarkan keperibadian penulis itu sendiri bagaimana kreatif dan kritisnya dalam menyampaikan karya. Kajian ini berpendapat bahawa tindakan pengarang bukan sahaja menyampaikan penulisan karyanya bahkan turut menjalankan tanggungjawabnya dalam amar makruf nahi mungkar iaitu mengajak manusia membuat kebaikan meskipun dalam berkarya. Hal ini jelas relevan apabila disokong oleh menurut A. Halim Ali dalam bukunya yang berjudul *Inti Sari Teori Sastera* (2020: 197) bahawa dalam teori Takmilah yang bersifat universal yang merangkumkan semua aspek kepengarangan dalam acuan Islam. Dalam erti kata yang lebih jelas, teori ini menuntut semua pihak yang berada dalam lingkungan sastera menyedari bahawa sastera itu sebagaimana juga bidang lain dalam Islam, iaitu mempunyai fungsi pelengkap yang akan melengkapkan jati diri keislaman pada diri seseorang, pengarang Islam dan karya yang dihasilkannya. Jelas menunjukkan bahawa inilah yang cuba diketengahkan oleh pengarang ini di mana kejelasan beliau dalam menerapkan kata serapan Arab dalam karya yang dihasilkan sekaligus telah menimbulkan situasi keinsafan dalam karya yang dihasilkan oleh pengarang memandangkan karyanya yang bertemakan ketabahan seorang wanita dalam menempuh pelbagai liku dan cabaran. Hal ini jelas menyimpulkan bahawa hanya kepada Ilahi jua tempat untuk berserah segalanya meskipun jawatan apa pun disandang.

Selanjutnya, gaya individualisme yang dikenal pasti ialah menyetengahkan Teori Feminisme. Kajian ini turut berpendapat bahawa, pengarang ternyata kerap kali menyetengahkan teori Feminisme dalam karya-karya beliau di mana menerusi kajian yang dilakukan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali yang berjudul *Novel- Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi* (2021) menyatakan bahawa kebanyakan kajian atau karya yang dihasilkan oleh Azmah sangat mengangkat martabat wanita, iaitu menyetengahkan teori Feminisme dan menurut beliau juga, Azmah sendiri berpendapat bahawa teori Feminisme ini tidak akan pernah lapuk dan melalui penulisan mampu mengakar penonjolan wanita sebagai susuk yang perlu diberikan perhatian yang wajar. Oleh hal yang demikian, beberapa contoh penerapan teori Feminisme menerusi novel *Pantai Kasih* ialah Raiha mempertahankan haknya dengan tetap meneruskan kerjayanya dalam bidang kedoktoran walaupun dibantah oleh bapanya. Jika dilihat konteks ayat tersebut, pengarang cuba menyampaikan bahawa teori Feminisme oleh Siti Hajar Che Man (2000:4) berpendapat bahawa teori ini sebenarnya memperjuangkan hak-hak kaum wanita setaraf dengan kaum lelaki. Dalam konteks ayat tersebut sebenarnya menunjukkan bahawa, bapa Raiha berpendapat bahawa wanita hanya perlu menjadi suri rumah sepenuhnya dan menumpukan perhatian terhadap bakal suami dan anak-anaknya. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan pengarang amat kreatif dan kritis dalam menyelitkan bahawa Teori Feminisme amat penting untuk diketahui dan diambil berat oleh pembaca khususnya wanita supaya sentiasa bertindak dengan pilihan yang tepat untuk masa depan mereka.

Selain itu, menerusi teori Feminisme juga amat menekankan mengenai membebaskan wanita dari belunggu negatif dan menampilkan imej wanita dalam bentuk yang positif seperti contoh berikut:

Raiha berani mendakwa suaminya di mahkamah keluarga dengan menyatakan secara tegas bahawa suaminya yang telah menyebabkan kematian anak tunggal mereka walaupun tindakan itu mendapat tentangan daripada keluarganya.

(Novel Pantai Kasih, hlm: 146)

Jelas dilihat menerusi konteks ayat tersebut, pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa negara yang mempunyai undang-undang, seharusnya golongan wanita perlu mengambil cakna terhadap hak-hak mereka sebagai wanita di samping mereka sebagai wanita perlulah bijak mengambil saluran yang betul bagi menyuarkan masalah rumah tangga yang dihadapi agar ianya tidak menjadi belenggu seumur hidup mereka. Hal ini jelas dapat dilihat sepertimana tindakan yang diambil oleh Raiha terhadap suaminya yang bersikap kejam itu. Jelas menunjukkan bahawa, teori Feminisme ini sangat signifikan diketengahkan di mana selari dengan pemikiran pengarang yang sentiasa mengangkat martabat wanita sebagai figura yang sangat signifikan lagikan diberikan perhatian yang wajar, bukan sahaja menerusi Novel Pantai Kasih sahaja bahkan dalam beberapa novel beliau yang lain.

Akhir sekali, salah satu gaya individualisme yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah teknik penceritaan yang digunakan dalam berkarya. Hal ini bermaksud pengarang sering kali atau menjadikan suatu kelainan dengan penulis lain iaitu menerapkan jalinan imbas kembali aliran bawah sedar. Hal ini turut disokong oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali yang berjudul Novel-Novel Terpilih Azmah Nordin Dari Perspektif Wanita Dalam Ekonomi (2021) menyatakan bahawa Azmah sememangnya menyelitkan watak dengan teknik jalinan imbas kembali ataupun ianya memang dikenali sebagai teknik Azmah. Misalnya dapat dilihat contoh berikut:

Pandangan mata fikir dan khayalan liarnya yang bergabung, tersesat dalam kekaburan yang amat jauh ke belakang itu amat menakutkan Raiha. Antara sedar dengan tidak, Raiha berusaha melemparkan apa-apa juga bayangan yang telah dilihat oleh mata fikirnya itu.
(Novel Pantai Kasih, hlm: 55)

Jika dilihat konteks ayat tersebut dengan jitu, ternyata memang gaya pengarang dalam menyelitkan teknik imbas kembali dalam tindakan luar sedar di mana menunjukkan Raiha beranggapan dirinya sedang berkhayal sehinggakan dia ternampak bayangan Dr. Sadiz ketika berada di lif, namun dalam mindanya beranggapan Dr. Sadiz sememangnya sudah meninggal dunia. Ternyata itu hanyalah khayalan semata-mata yang dialami oleh Raiha. Kajian ini berpendapat bahawa dengan teknik atau gaya sedemikian sedikit sebanyak menonjolkan kelainan pengarang dengan pengarang yang lain di samping itu merupakan wadah untuk mengangkat keperibadian dan kepengarangan beliau sebagai pengarang feminis di Malaysia.

KESIMPULAN

Secara holistiknya, Prinsip Stilistik oleh J.J. Webber (1989) sememangnya memang terbukti terdapat lima elemen yang diketengahkan dalam novel ini termasuklah pemilihan diksi, pembentukan ayat, kajian semantik, unsur bahasa dramatik dan gaya individualisme. Pertama sekali, prinsip kajian yang dikenal pasti, iaitu pemilihan diksi yang digunakan untuk menghasilkan jalinan bahasa yang indah di mana penggunaan diksi dan kosa kata yang bersesuaian dengan tema akan menimbulkan bahasa yang indah lagi puitis terhadap karya yang dihasilkan. Prinsip analisis kedua, iaitu pembentukan ayat atau sintaksis pastinya mementingkan olahan ayat yang dihasilkan melibatkan kepanjangan dan kependekan ayat yang bervariasi menimbulkan olahan idea yang menarik namun padat dan ringkas. Seterusnya, prinsip kajian yang dianalisis ialah penggunaan unsur bahasa dramatik pula dilihat sebagai penambah rasa dalam sesebuah karya dan dapat meningkatkan nilai eksklusif karya yang dihasilkan. Prinsip kajian makna dan semantik dilihat sebagai penerapan makna yang dapat menimbulkan kesan yang penuh emotif terhadap karya dengan adanya gambaran yang realistik. Prinsip kajian yang akhir sekali iaitu gaya individualisme ini melihat gaya peribadi yang ditonjolkan oleh pengarang dalam menghasilkan karya. Dalam erti kata lain, ia dilihat sebagai identiti seseorang penulis itu dalam berkarya.

Implikasi kajian mengenai stilistik ini turut signifikan agar kajian pada masa akan datang berpeluang untuk membuat kajian mengenai keindahan dan keunikan bahasa khususnya sebagai rujukan dan panduan dalam skop bidang stilistik lebih - lebih lagi Prinsip Stilistik J.J. Webber (1989) yang semakin kurang mendapat tempat di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak dapat dinafikan bahawa bidang stilistik khususnya prinsip Webber (1989) sebenarnya sangat perlu dikaji kerana mempunyai enam elemen yang sangat utuh bagi sesuatu karya yang berkualiti dengan elemen yang tersendiri. Hal ini turut membuktikan bahawa Novel Pantai Kasih sangat kaya dengan keindahan

bahasa dan kebolehan tatabahasa. Pernyataan tersebut turut disokong oleh pihak Kementerian Pendidikan menerusi berita Malaysia Kini, iaitu telah memutuskan dalam suatu perbincangan bahawa novel tersebut jelas terkandung aspek keindahan bahasa atau juga stilistik, kosa kata dan tatabahasa bahkan merangsang murid berfikir secara kritis, matang dan rasional dalam membuat sebarang justifikasi.

RUJUKAN

- Abu Hassan Abdul, Ghazali Din, Twahir @ H.Tahir Wahibah dan Ariffin Mohd. Sidik, (2016). Retorika Dakwah Dalam Autobiografi - Perjalananku Sejauh Ini Dan Kenang-Kenangan Hidup. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 9-24.
- Abdul Halim Ali. (2020). *Inti Sari Teori Sastera Barat dan Malaysia*. Nha Excell Resources: Shah Alam
- Arbai'e Sujud. (2014). *Stilistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj.Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atoh et al. (2013). Simile sebagai kesantunan berbahasa dalam Syair Siti Zubaidah. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 4. 78-95.
- Azmah Nordin. (1994). *Pantai Kasih*. Pekan Ilmu Publications: Selangor.
- Crystal, D. (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. Great Britain: Cornwall press Ltd.
- Crystal, D. (2011). *A Dictionary of Linguistics and phonetics*. Great Britain: Cornwall press Ltd.
- Darwis Harahap. (1992) *Sejarah pertumbuhan BaPasa Melayu*. Penerbit Universiti Sains Malaysia: Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Eman Adil Jaafar. (2016). A stylistic analysis of two selected poems. *Journal of College of Education for Women*, 25(1), 5-12.
- Fariha Ali Jumani. (2016). *Pengenalan Puisi Billy Collins*. (Disertasi Sarjana yang Tidak Diterbitkan). International Islamic University Islamabad.
- Jean. J Webber. (1989). *The stylistics reader*. United State: Routledge.
- J.C Richards and Richards N.Schmidt.Longman. (2013). *Dictionary of Language Teaching dan Applied Linguistics, Edition 4*, Routledge.
- Johari dan Dahlia Janan (2013). *Sang Budiman Seri Lanang Jaya*. PTS Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik. (1997) Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Leech and Short (2007). *Style in fiction: A linguistic to English fictional prose*. Selangor: Pearson Longman.
- Mariah Ahmad. (2016, Februari 12). Novel Pantai Kasih akan terus digunakan dalam Tingkatan Berita Astro Awani Online. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/novel-pantai-kasih-akan-terus-digunakan-dalam-tingkatan-4-94011>
- Muhammad Ismail Memon et.al (2020). Stylistic analysis of the poem 'if' by Rudyard Kipling. *International Journal of English Research*, 20(12), 35-37.
- Mohd Khairul et al. (2018) Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3 (1). 106-121.
- Nadiatul Shakinah (2020). Penanda elipsis dalam cerpen dari perspektif stilistik. *E- Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 1(4), 176- 199.
- Naffi Mat. (2009). *Linguistik am*. Selangor: PTS Profesional Publishing.
- Nawi Ismail. (2016). *Bahasa Melayu Topikal Tingkatan 6*. Percetakan Salam Sdn. Bhd.: Selangor.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (1990). *Stilistik KOMSAS*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2007). *KOMSAS Dan Tatabahasa Melayu teras pegangan guru*. Kuala Lumpur: Icon Religiom Sdn. Bhd.
- Rohayati Junaidi. (2012). *Kumpulan Puisi Mencari Makna berdasarkan Prinsip Stilistik J.J. Webber* (Disertasi Sarjana yang tidak Diterbitkan). Universiti Malaya.
- Saleh Ahmad. (2016). *Kupasan dan kajian asasi KOMSAS*. Sasbadi Sdn. Bhd.: Petaling Jaya.
- Siti Shamsiah. (2005, Januari 18). *Bahasa Kiasan – Perlu ke arah membina peradaban Melayu*. *Berita Utusan Malaysia Online*. Diperoleh daripada Bahasa Kiasan – Perlu ke arah embina Peradaban Melayu – Laman Web Rasmi: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Sperber D. and Wilson D. (1986) *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell, Oxford.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali et.al (2021). Novel-novel terpilih Azmah Nordin dari perspektif wanita dalam ekonomi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 24 – 34.
- Umar Junus. (1989). *Stilistik satu pengantar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.